

BAB III

MASALAH MEDIA CETAK JAKIM

Dalam bab dua dahulu telah dijelaskan mengenai media cetak JAKIM yang memberikan suatu petunjuk terhadap peranan JAKIM dalam usaha dakwah melalui bidang ini. Dalam bab tiga ini pula akan diuraikan masalah-masalah yang dihadapi oleh JAKIM dalam melaksanakan tanggungjawab tersebut. Disebabkan kajian ini lebih cenderung melihat peranan JAKIM terhadap dakwah melalui media cetaknya, maka masalah yang akan dibincangkan hanyalah masalah yang bersangkutan rapat dengan JAKIM sahaja. Masalah-masalah tersebut dapat dirumuskan dalam lima perkara, iaitu masalah pengeluaran, masalah pengurusan, masalah kewangan, masalah persembahan isi dan bentuk fizikal, dan masalah pemasaran.

3.1. Masalah Pengeluaran

Dalam kajian ini, telah dikenal pasti bahawa masalah yang dihadapi JAKIM berkaitan pengeluaran media cetaknya menyangkut tiga perkara, iaitu pengeluaran yang rendah, pengeluaran tidak seimbang dari segi bidang dan bahasa, dan pengeluaran yang tidak tekal (konsisten).

3.1.1. Pengeluaran Yang Rendah

Dalam dunia penerbitan media cetak, pihak yang menghasilkan kurang sepuluh judul buku setahun dianggap sebuah penerbit kecil.¹ Berdasarkan

¹Hamedи Mohd. Adnan (1996): 6.

kenyataan ini, JAKIM didapati tergolong dalam kelas penerbit kecil kerana purata pengeluaran bukunya hanyalah sekadar 4.6 judul setahun. Ini menunjukkan prestasi pengeluarannya adalah pada tahap yang rendah. Mengikut perangkaannya, sejak 1968 hingga 1997, JAKIM telah menerbitkan 138 judul buku jualan, 41 judul buku percuma, 30 keluaran jurnal, hampir 200 keluaran majalah, 50 keluaran buletin, 318 judul risalah dan sejumlah terbitan rampaian seperti tabloid, takwim, poster dan stiker.

Angka-angka tersebut jika dibandingkan dengan sesetengah penerbit yang telah maju, Bahagian Penerbitan JAKIM didapati masih ketinggalan. Misalnya dari sudut penerbitan buku, Penerbit al-Hidayah yang mula beroperasi pada tahun 1995 telah menerbitkan 135 judul buku dengan purata 45 judul setahun,¹ Darul Nu'man yang diwujudkan pada tahun 1991 telah menerbitkan 236 judul dengan purata 33.7 judul setahun², Pustaka Ilmi yang mula ditubuhkan pada 1992 telah menerbitkan 180 judul dengan purata 30 judul setahun³ dan Thinker's Library yang ditubuhkan pada tahun 1984 telah menghasilkan lebih 400 judul buku agama dengan purata 28.6 judul setahun.⁴ Begitu juga dengan Dewan Bahasa dan Pustaka, iaitu pada tahun 1996 sahaja mempunyai 451 judul buku agama di pasaran daripada keseluruhan 8,719 judul buku yang diterbitkannya⁵. Kini purata penerbitan buku agamanya ialah 40 judul setahun.⁶

¹Sumber daripada al-Hidayah Publishers, 5-2-2 Jalan Ipoh, Kuala Lumpur.

²Sumber daripada Darul Nu'man, 15A, Tingkat 1, Wisma Yakin, Jalan Masjid India, Kuala Lumpur.

³Sumber daripada Pustaka Ilmi, 131, Jalan Jasa Tiga, Taman Jasa, Sungai Tua, Batu Caves, Selangor D.E..

⁴Abdul Latiff bin Haji Arifin (1998).

⁵Dewan Bahasa dan Pustaka (1997).

⁶Wan Abdul Hamid bin Wan Teh (1998).

Masalah prestasi pengeluaran yang rendah ini bukan hanya dialami oleh Bahagian Penerbitan JAKIM sahaja, malah sesetengah agensi kerajaan dan pertubuhan lain termasuk beberapa penerbit swasta juga menghadapi situasi yang serupa. Untuk melihat prestasi keluaran buku beberapa agensi kerajaan dan pertubuhan serta penerbit-penerbit swasta berbanding dengan keluaran Bahagian Penerbitan JAKIM, sila lihat jadual 3.1 dan 3.2.

Jadual 3.1

Prestasi Penerbitan Media Cetak Beberapa Agensi Kerajaan Dan Pertubuhan Sehingga 1997 Berbanding Keluaran Bahagian Penerbitan JAKIM

Bil.	Organisasi/ Pertubuhan	Tahun Mula Operasi	Jumlah Terbitan			Purata Terbitan Buku Setahun
			Majalah	Jurnal	Buku	
1.	IKIM	1992	1	2	37	6.2
2.	ABIM	1971	0	1	150	5.6
3.	JAKIM	1968	4	3	138	4.6
4.	YADIM	1974	1	0	66	2.8
5.	PERKIM	1969	3	0	32	1.1
6.	JAWI	1978	4	0	1	0.05

Jadual 3.2

Jumlah Penerbitan Buku Oleh Beberapa Penerbit Buku Islam Swasta Sehingga Tahun 1997 Berbanding Keluaran Bahagian Penerbitan JAKIM

Bil.	Penerbit	Tahun Mula	Jumlah Judul Buku	Purata Terbitan
		Operasi	Diterbitkan	Setahun
1.	Al-Hidayah	1995	135	45.0
2.	Pustaka Ilmi	1992	180	30.0
3.	Darul Nu`man	1991	236	33.7
4.	Thinker's Library	1984	> 400	28.6
5.	Pustaka Salam	1982	140	8.8
6.	Hizbi	1986	67	5.6
7.	JAKIM	1968	138	4.6
8.	Pustaka Syuhada'	1986	>40	3.3

Daripada penjelasan di atas, dapatlah difahami bahawa prestasi pengeluaran media cetak oleh Bahagian Penerbitan JAKIM secara umumnya adalah berada pada tahap yang masih rendah.

3.1.2. Pengeluaran Tidak Seimbang Mengikut Bidang Dan Bahasa

Selain rendahnya jumlah penerbitan yang dihasilkan, Bahagian Penerbitan JAKIM juga didapati tidak seimbang menerbitkan buku mengikut bidang dan bahasa. Penghasilan buku-buku JAKIM mengikut bidang dapat dilihat dalam jadual 3.3.

Jadual 3.3**Jumlah Terbitan Buku Jualan Bahagian Penerbitan JAKIM Mengikut Bidang**

Bil.	Bidang	Jumlah Judul
1.	Al-Qur'an/Tafsir	11
2.	Al-Sunnah/Hadith	20
3.	Akidah	11
4.	Syariah/Undang-Undang	15
5.	Tasawuf/Akhlaq	11
6.	Pendidikan	7
7.	Kemasyarakatan	4
8.	Ekonomi	3
9.	Politik	3
10.	Falak/Astronomi	3
11.	Pengurusan	2
12.	Sejarah	2
13.	Kejuruteraan	1
14.	Kesihatan	1
15.	Sains	1
16.	Biografi	1
17.	Kesusasteraan	42
JUMLAH		138

Daripada jadual 3.3, didapati pengeluaran buku JAKIM tidak seimbang mengikut bidang. Terdapat juga bidang-bidang yang belum dihasilkan pengeluaran bukunya, umpamanya bidang pengajian dakwah. Sebagai perbandingan, lihat pengeluaran buku oleh penerbit Darul Nu'man seperti dalam jadual 3.4.

Jadual 3.4

Penerbitan Buku Oleh Penerbit Darul Nu'man Mengikut Bidang¹

Bil.	Bidang	Jumlah
1.	Ibadah Utama	21
2.	Amalan Seharian	29
3.	Kisah-Kisah Teladan/Hikmah	37
4.	Perkahwinan & Bakal Pengantin	16
5.	Keibubapaan & Kekeluargaan	14
6.	Kewanitaan & Kaum Ibu	11
7.	Rawatan Zahir & Batin	19
8.	Minda/Pelajar & Remaja	13
9.	Motivasi & Bimbingan	14
10.	Pendidikan & Tamadun	16
11.	Akidah/Tauhid & Fekah	20
12.	Akhlik/Tasawuf & Psikologi	26
Jumlah		236

¹Darul Nu'man (1997).

Daripada perbandingan pengeluaran buku jualan antara Bahagian Penerbitan JAKIM dengan Darul Nu`man di atas, menunjukkan Bahagian Penerbitan JAKIM masih kekurangan buku dalam bidang-bidang tertentu, dan penerbitan antara bidang-bidang tersebut tidak seimbang. Berbeza dengan pengeluaran Darul Nu`man yang agak seimbang dan meliputi banyak bidang.

Bagi penerbitan buku percuma pula, 41 judul yang diterbitkan oleh Bahagian Penerbitan JAKIM adalah mewakili bidang-bidang akidah, dakwah, khutbah Jumaat, akhlak dan etika, soal jawab agama dan politik. Pengeluarannya juga didapati tidak seimbang serta tidak meliputi banyak bidang. Lihat jadual 3.5.

Jadual 3.5

Jumlah Penerbitan Buku Percuma JAKIM Mengikut Bidang

Bil.	Bidang	Jumlah Judul
1.	Akidah	4
2.	Dakwah	17
3.	Khutbah Jumaat	14
4.	Akhlak/Etika	2
5.	Soal Jawab Agama	3
6.	Politik	1
JUMLAH		41

Ditinjau kepada penerbitan jurnal pula, setakat ini Bahagian Penerbitan JAKIM menerbitkan tiga jenis jurnal, iaitu *Jurnal Hukum*, *Jurnal Penyelidikan Islam* dan *Jurnal Darul Quran*. Satu bidang yang didapati kurang dari segi pengeluaran jurnal ini ialah tiadanya jurnal dalam bidang dakwah, pada hal aktiviti dakwah adalah satu aktiviti terbesar dalam operasi yang dijalankan oleh JAKIM. Jika aktiviti berkaitan syariah sudah ada *Jurnal Hukum*, aktiviti penyelidikan ada *Jurnal Penyelidikan Islam*, dan Darul Quran mempunyai *Jurnal Darul Quran*, maka tidak wajar Bahagian Dakwah yang merupakan bahagian terbesar dalam organisasi JAKIM tidak menerbitkan sebuah jurnal dakwah. Situasi ini menampakkan wujudnya satu kekurangan dan ketidak-seimbangan dalam penghasilan jurnal oleh JAKIM.

Satu lagi aspek yang penting dalam memperihalkan prestasi penerbitan media cetak dakwah ialah dari sudut ia boleh mencapai sasaran yang luas. Antara langkah yang boleh diambil bagi mencapai tujuan ini ialah dengan menerbitkan terbitan dalam pelbagai bahasa. Sehubungan ini terbitan Bahagian Penerbitan JAKIM didapati kebanyakannya adalah dalam bahasa Melayu. Hanya sedikit sekali yang diterbitkan dalam bahasa-bahasa lain. Dalam penerbitan buku, daripada 138 buku jualan yang diterbitkan, sejumlah 137 buah (99.3 peratus) adalah buku-buku dalam bahasa Melayu, dan hanya satu judul dalam bahasa Inggeris. Bagi buku-buku percuma pula, daripada 41 judul yang diterbitkan, 40 judul (97.6 peratus) adalah dalam bahasa Melayu dan hanya satu judul dalam bahasa Inggeris. Bagi penerbitan berkala, iaitu jurnal, majalah, buletin dan tabloid, semuanya adalah dalam bahasa Melayu. Hanya dalam *Jurnal Darul Quran* terdapat beberapa artikel dalam bahasa-bahasa Inggeris dan Arab yang diterbitkan secara tetap pada setiap keluarannya.

Dalam penerbitan risalah pula, walaupun bahasa Melayu mendominasi penerbitan risalah, iaitu sebanyak 237 judul (74.5 peratus), terdapat juga risalah diterbitkan dalam bahasa-bahasa lain iaitu bahasa Inggeris sebanyak 47 judul (14.8 peratus), bahasa Cina 20 judul (6.3 peratus), bahasa Tamil enam judul (1.9 peratus), bahasa Dusun dan Kadazan enam judul (1.9 peratus), bahasa Arab dan bahasa Iban masing-masing satu judul (0.3 peratus). Sungguhpun penerbitan risalah ini melibatkan juga bahasa-bahasa lain selain bahasa Melayu, namun jumlah keseluruhannya adalah kecil, iaitu kira-kira 25.5 peratus sahaja.

Daripadauraian di atas, dapatlah difahami bahawa penghasilan media cetak oleh Bahagian Penerbitan JAKIM dalam sesetengah bidang dan bahasa adalah rendah dan tidak seimbang. Hakikatnya, penerbitan media cetak dalam pelbagai bidang dan bahasa akan meluaskan penyebaran dakwah bagi memenuhi keperluan semua jenis dan lapisan masyarakat.


3.1.3. Pengeluaran Tidak Tekal

Satu lagi masalah yang wujud dalam prestasi pengeluaran media cetak JAKIM ialah keluaran yang tidak tekal. Dalam kajian ini didapati masalah ketidak-tekalan dalam pengeluaran berlaku dalam hampir semua jenis media cetak yang dihasilkan, terutamanya buku, jurnal, majalah, buletin dan risalah.

Bagi terbitan buku, pengeluaran tahunannya menunjukkan perbezaan ketara antara satu tahun dengan tahun yang lain. Gambaran mudah untuk memperihalkan keadaan ini dapat dilihat dalam carta 3.1.

Carta 3.1

Prestasi Penerbitan Buku JAKIM Mengikut Tahun



diterbitkan sebanyak tiga keluaran iaitu bilangan pertama pada Rabiulawal 1416/Ogos 1995, bilangan kedua pada Muharam 1417/Jun 1996 dan bilangan ketiga pada Muharam 1418/Jun 1997. Untuk melihat rentak penerbitan jurnal-jurnal JAKIM, khususnya *Jurnal Penyelidikan Islam* dan *Jurnal Hukum*, sila lihat jadual 3.6 dan 3.7.

Jadual 3.6

Penerbitan *Jurnal Penyelidikan Islam* Mengikut Tahun

Bil.	Siri Jurnal dan Bilangan	Tahun Terbit
1.	<i>Jurnal MASA</i> Bilangan 1	1978
2.	<i>Jurnal MASA</i> Bilangan 2	1980
3.	<i>Jurnal MASA</i> Bilangan 3	1982
4.	<i>Jurnal MASA</i> Bilangan 4	1983
5.	<i>Jurnal MASA</i> Bilangan 5	1984
6.	<i>Jurnal MASA</i> Bilangan 6	1986
7.	<i>Jurnal Penyelidikan Islam</i> Bilangan 7	1989
8.	<i>Jurnal Penyelidikan Islam</i> Bilangan 8	1993
9.	<i>Jurnal Penyelidikan Islam</i> Bilangan 9	1995
10.	<i>Jurnal Penyelidikan Islam</i> Bilangan 10	1997

Jadual 3.7

Penerbitan *Jurnal Hukum* Mengikut Tahun

Bil.	Siri Jurnal	Bulan & Tahun Terbit
1.	<i>Jurnal Hukum</i> Jilid I Bahagian I	Muharam 1401/November 1980
2.	<i>Jurnal Hukum</i> Jilid I Bahagian II	Rejab 1401/Mei 1981
3.	<i>Jurnal Hukum</i> Jilid II Bahagian I	Muharam 1402/Okttober 1981
4.	<i>Jurnal Hukum</i> Jilid II Bahagian II	Rejab 1402/Mei 1982
5.	<i>Jurnal Hukum</i> Jilid III Bahagian I	Muharam 1403/November 1982
6.	<i>Jurnal Hukum</i> Jilid III Bahagian II	Rejab 1403/Mei 1983
7.	<i>Jurnal Hukum</i> Jilid IV Bahagian I	Muharam 1404/Okttober 1983
8.	<i>Jurnal Hukum</i> Jilid IV Bahagian II	Rejab 1404/April 1984
9.	<i>Jurnal Hukum</i> Jilid V Bahagian I	Muharam 1405/ September 1984
10.	<i>Jurnal Hukum</i> Jilid V Bahagian II	Syawal 1407/Jun 1987
11.	<i>Jurnal Hukum</i> Jilid VI Bahagian I	Muharam 1409/September 1988
12.	<i>Jurnal Hukum</i> Jilid VI Bahagian II	Muharam 1410/Ogos 1989
13.	<i>Jurnal Hukum</i> Jilid VII Bahagian I	Syaaban 1410/ Mac 1990
14.	<i>Jurnal Hukum</i> Jilid VII Bahagian II	Muharam 1412/Julai 1991
15.	<i>Jurnal Hukum</i> Jilid VIII Bahagian I	Syawal 1412/April 1992
16.	<i>Jurnal Hukum</i> Jilid VIII Bahagian II	Safar 1414/Ogos 1993
17.	<i>Jurnal Hukum</i> Jilid IX Bahagian I	Syawal 1414/Mac 1994
18.	<i>Jurnal Hukum</i> Jilid IX Bahagian II	Jamadilawal 1415/Okttober 1994
19.	<i>Jurnal Hukum</i> Jilid X Bahagian I	Rejab 1416/November 1995
20.	<i>Jurnal Hukum</i> Jilid X Bahagian II	Safar 1417/Jun 1996
21.	<i>Jurnal Hukum</i> Jilid XI Bahagian I	Safar 1418/Jun 1997


Penerbitan majalah juga didapati tidak tekal. Mengikut perancangan awal, majalah-majalah terbitan JAKIM mempunyai jumlah keluaran tertentu dalam setahun. Majalah *Sinaran Islam* dan *Pendidik* diterbitkan enam keluaran dalam setahun, manakala majalah *Ruhaniyyat* dan *Cahaya* diterbitkan empat keluaran setahun. Tetapi mulai tahun 1996, semua majalah tersebut diterbitkan sebanyak empat keluaran setahun. Bagi keluaran dalam sesuatu tahun itu pula, didapati penerbitannya kadang-kadang tidak mengikut masa yang ditetapkan. Hal ini berlaku atas sebab-sebab tertentu seperti kelewatan kerja percetakan oleh Percetakan Nasional Malaysia Berhad (PNMB).

Bagi penerbitan buletin juga, JAKIM turut menghadapi masalah penerbitan yang tidak tekal atas faktor-faktor yang hampir sama seperti penerbitan majalah. Buletin *Uswah* yang diterbitkan empat kali setahun kadang-kadang tidak dapat diterbitkan mengikut jadual. Lebih tidak tekal ialah penerbitan buletin *Takmir*, iaitu mengikut perancangannya buletin ini diterbitkan sebanyak enam keluaran setahun, tetapi hingga 1997 ia dapat diterbitkan sebanyak 15 keluaran sahaja, iaitu dalam tahun 1992 satu keluaran, 1993 lima keluaran, 1994 satu keluaran, 1995 tiga keluaran, 1996 tidak diterbitkan dan 1997 lima keluaran.

Penerbitan risalah juga didapati tidak menampakkan ketekalan, walaupun dari segi hasil keluarannya media cetak jenis ini lebih banyak diterbitkan berbanding jenis-jenis yang lain. Sehingga tahun 1997, JAKIM telah menerbitkan 318 judul risalah dengan purata 10.6 judul setahun. Untuk melihat pengeluaran risalah mengikut tahun, sila lihat carta 3.2.

Carta 3.2

Prestasi Penerbitan Risalah Mengikut Tahun



Dari pada carta 3.2, didapati dalam tempoh dari tahun 1968 hingga 1979, sejumlah 83 judul (26.1 peratus) telah diterbitkan. Dalam tahun-tahun 1980-an pula, sebanyak 141 judul (44.3 peratus) telah dihasilkan, manakala bagi tahun 1990 hingga 1997, sebanyak 94 judul (29.6 peratus) telah dikeluarkan. Jika dianalisa lebih terperinci, didapati dekad 80-an merupakan tempoh yang produktif bagi JAKIM dalam penerbitan risalahnya. Tahun yang paling banyak jumlah penerbitan risalah ialah pada 1986 iaitu 37 judul dan paling sedikit ialah pada tahun 1992 iaitu dua judul. Petunjuk ini jelas memperlihatkan wujudnya ketidak-tekalan dalam penerbitan risalah oleh JAKIM mengikut tahun.

Seperti telah disebutkan dalam bab dua dahulu, risalah yang diterbitkan oleh JAKIM mempunyai dua kategori iaitu risalah bersiri dan risalah tidak bersiri. Siri-siri tersebut ialah al-Syariah, al-Yakin, al-Risalah, Dasar Penerapan Nilai-Nilai Islam dan Islam Itu Mudah. Manakala risalah yang tidak bersiri dikelaskan kepada dua jenis iaitu buku kecil dan pamflet. Keluaran risalah mengikut kategori dan siri tersebut juga didapati tidak tekal. Contohnya siri al-Syariah hanya diterbitkan dalam tahun-tahun 1968 hingga 1979 sahaja iaitu sebanyak lapan keluaran. Siri Islam Itu Mudah pula hanya diterbitkan sebanyak 11 keluaran iaitu antara tahun-tahun 1980 hingga 1989. Begitu juga siri Dasar Penerapan Nilai-Nilai Islam yang hanya diterbitkan sebanyak enam keluaran, iaitu dalam tahun-tahun 1980-an. Siri-siri ini kemudian lenyap dan tidak diterbitkan lagi.

Siri-siri yang agak panjang usianya ialah al-Yakin dan al-Risalah. Kedua-dua siri ini diterbitkan sejak tahun 1968 hingga ke tahun 1990-an. Tetapi mulai tahun 1993, kedua-dua siri ini tidak diterbitkan lagi. Kecenderungan penerbitan risalah selepasnya ialah penerbitan risalah-risalah tanpa nama siri, iaitu yang

dikategorikan sebagai buku kecil dan pamflet. Untuk melihat aliran penerbitan risalah mengikut siri ini, sila rujuk carta 2.1 dalam bab dua, halaman 132.

Daripada observasi penulis semasa bertugas di JAKIM, khususnya di Bahagian Penerbitannya selama hampir tiga tahun, ketidak-tekalan penerbitan risalah mengikut siri ini didapati berpunca daripada beberapa sebab. Antaranya ialah kerana pertukaran pegawai iaitu pegawai yang mengambil alih jawatan berkenaan tidak mendapat maklumat yang jelas terhadap konsep sesuatu terbitan risalah tersebut, kerana konsep penerbitannya tidak dinyatakan secara bertulis. Selain itu, ia juga disebabkan oleh kerana penjawat baru mahu melakukan perubahan dalam eranya. Kesan daripada keadaan ini, masyarakat mungkin keliru dengan kepelbagaiannya risalah yang ada serta sukar bagi mereka untuk memilih dan mendapatkan judul-judul yang mereka inginkan mengikut bidang-bidang yang dikehendaki.

Berdasarkan penjelasan di atas, dapatlah disimpulkan bahawa media cetak JAKIM secara umumnya menghadapi beberapa masalah dalam pengeluarannya, iaitu prestasi keluarannya masih rendah, penghasilan yang tidak seimbang dari segi bidang dan bahasa dan penerbitan yang tidak tekal. Keadaan ini sedikit sebanyak menjelaskan matlamat dakwah yang ingin dicapai. Jika dilihat secara lebih mendalam, masalah-masalah ini berkait-punca daripada beberapa masalah lain seperti masalah dalam pengurusan yang meliputi aspek-aspek struktur organisasi, aspek kemahiran dan hal-hal mengenai peraturan di samping faktor kewangan yang akan diuraikan dengan lebih terperinci dalam huraihan-huraihan selanjutnya. Semua perkara ini menjadi hambatan kepada Bahagian Penerbitan JAKIM untuk bergerak secara lebih produktif dan berkesan.

3.2. Masalah Pengurusan

Menguruskan penerbitan media cetak dakwah secara cekap dan teratur adalah resipi penting dalam usaha untuk mencapai matlamat yang diingini. Daripada kajian yang dijalankan terhadap pengurusan penerbitan media cetak JAKIM, didapati wujud beberapa masalah iaitu bersabit soal struktur organisasi, kemahiran dan peraturan penerbitan.

3.2.1. Masalah Struktur Organisasi

Aktiviti penerbitan media cetak JAKIM diuruskan oleh sebuah bahagian dalam organisasi JAKIM iaitu Bahagian Penerbitan yang diketuai oleh seorang pengarah. Bahagian ini secara prinsipnya mempunyai lima program besar iaitu penerbitan buku, penerbitan majalah, penerbitan risalah dan rampaian, pengurusan penerbitan dan urusan pemasaran, namun ia tidak dibentuk sebagai unit yang rasmi. Hal ini memberi makna bahawa program-program tersebut tidak mempunyai ketua, dan semua kakitangan adalah bertanggungjawab terus kepada pengarah bahagian. Dalam ertikata sebaliknya, pengarah bahagian bertanggungjawab mengawasi dan menyelia setiap pegawai dan kakitangannya secara terus meliputi kelima-lima program tersebut. Untuk melihat struktur ini dengan lebih jelas, sila lihat carta organisasi Bahagian Penerbitan JAKIM dalam Lampiran 5.

Apabila diteliti struktur organisasi Bahagian Penerbitan JAKIM itu, ia didapati bercanggah dengan amalan penerbitan media cetak secara profesional walaupun JAKIM hanyalah sebuah penerbit kecil. Ray Eldon Hiebert, Donal F. Ungurait dan Thomas W. Bohn dalam buku mereka *Mass Media - An Introduction*

To Modern Communication telah memaparkan satu model struktur organisasi penerbit kecil.¹ Menurut mereka sesebuah penerbit kecil mesti mempunyai seorang ketua bahagian. Di bawahnya perlu diwujudkan empat unit, iaitu unit-unit pengeluaran, editorial, pengurusan, dan edaran. Setiap unit itu mestilah mempunyai seorang pegawai pengurusnya masing-masing sebagai ketua unit dan dibantu oleh beberapa kakitangan yang perlu.²

Diteliti lebih lanjut struktur organisasi Bahagian Penerbitan JAKIM dan dibandingkan dengan model struktur organisasi tersebut, didapati unit-unit dalam Bahagian Penerbitan JAKIM tidak diwujudkan secara rasmi dan tidak mempunyai ketua masing-masing. Selain itu beberapa jawatan penting seperti jurutrengkas, kerani stor, pegawai pengiklanan, pegawai promosi, pembaca pruf dan penterjemah juga tidak diwujudkan. Jawatan-jawatan tersebut adalah penting kerana tanpa mereka tugas-tugas yang berkaitan terpaksa dilakukan oleh pegawai-pegawai lain yang sedia ada. Oleh itu setiap editor sama ada editor buku, majalah, buletin atau risalah masing-masing turut melakukan tugas membaca pruf di samping tugas-tugas lain yang bersangkutan dengan urusan penyemakan manuskrip, penyuntingan, penyediaan rekabentuk dan pengeluaran.³ Menurut Wan Abdul Hamid bin Wan Teh, Ketua Bahagian Tamadun Islam, Dewan Bahasa dan Pustaka, hal ini adalah sesuatu yang tidak wajar.⁴

¹Sila lihat Lampiran 21.

²Hiebert (1975): 200.

³Mohd. Rus bin Yunus (1997).

⁴Wan Abdul Hamid bin Wan Teh (1998).

Jika dilihat kepada beberapa contoh penerbit yang mantap di negara ini seperti Dewan Bahasa dan Pustaka, Utusan Melayu, dan Berita Publishing, didapati semuanya mempunyai bahagian-bahagian dan jawatan-jawatan yang sepatutnya wujud dalam urusan penerbitan media cetak seperti yang digambarkan dalam model tersebut. Penerbit-penerbit itu didapati mempunyai bahagian-bahagian khusus seperti bahagian buku, bahagian majalah, bahagian editorial, bahagian pembacaan pruf, bahagian rekabentuk, bahagian pemasaran dan lain-lain yang diwujudkan secara berasingan dan mempunyai ketua masing-masing. Yang berbeza antara penerbit berkenaan hanya dari segi susun aturnya sahaja, namun kerangka yang diperlukan itu wujud dalam organisasi mereka. Ini menunjukkan bahawa bahagian-bahagian tersebut serta jawatan-jawatan berkenaan adalah penting dalam urusan penerbitan media cetak.

Satu lagi masalah berkait dengan struktur organisasi Bahagian Penerbitan JAKIM ialah kekurangan tenaga kerja kerana saiz perjawatan yang kecil. Dalam struktur Bahagian Penerbitan JAKIM, unit buku misalnya hanya mempunyai dua orang penolong pengarah atau editor dan seorang pembantu editor. Tenaga yang ada itu tidak mencukupi jika JAKIM mahu menggandakan pengeluaran buku-bukunya. Ini kerana tugas editor adalah luas meliputi kerja-kerja merancang pengeluaran, mencari penulis atau penterjemah, menyelia dan mengawasi penulis, memberi latihan atau panduan kepada penulis jika perlu, menyemak manuskrip, menyunting dan sebagainya di samping memikirkan aspek-aspek teknikal dan kawalan mutu.

Dalam organisasi penerbit yang agak sempurna seperti Dewan Bahasa dan Pustaka, Bahagian Tamadun Islam¹ sahaja mempunyai tujuh orang editor dan tiga orang pembantu editor.² Begitu juga dengan penerbit-penerbit swasta seperti Berita Publishing Sdn. Bhd., di bahagian buku sahaja mempunyai empat orang editor dan dua orang pembantu editor.³

Selain kekurangan tenaga kerja di unit buku, kekurangan tenaga juga dialami di unit majalah. JAKIM pada masa ini menerbitkan empat judul majalah dan dua judul buletin. Setiap majalah dan buletin mempunyai seorang pengarang dan seorang pembantu pengarang, tetapi tidak mempunyai sidang pengarang yang tersendiri. Oleh itu untuk mengatasi masalah ini, semua pengarang majalah menjadi anggota redaksi bagi majalah-majalah lain. Keadaan ini menyebabkan masing-masing memikul beban tugas yang berat, iaitu bukan sahaja bertanggungjawab terhadap pengeluaran majalah atau buletin yang menjadi tugas hakiki mereka, tetapi juga bertanggungjawab terhadap majalah-majalah lain.

Hal ini berbeza dengan amalan penerbitan majalah yang lazim, iaitu setiap majalah mempunyai pengarang dan sidang pengarangnya tersendiri. Sebagai contoh majalah-majalah yang diterbitkan oleh Berita Publishing secara umumnya mempunyai seorang pengarang, seorang penyunting atau pembantu pengarang dan empat atau lima orang sidang pengarang.⁴ Begitu juga dengan majalah-majalah yang diterbitkan oleh Utusan Melayu, iaitu setiap majalah umumnya mempunyai

¹Bahagian yang bertanggungjawab menerbitkan buku-buku agama terbitan Dewan Bahasa dan Pustaka.

²Wan Abdul Hamid bin Wan Teh (1998).

³Sabri Said (1998).

⁴V.S. Ganesan (1998).

seorang pengarang, seorang penolong pengarang dan sekurang-kurangnya tiga orang sidang pengarang.¹

Daripada penjelasan di atas, jelas menunjukkan bahawa pembentukan struktur organisasi penerbitan media cetak JAKIM adalah tidak sempurna berbanding bentuk struktur organisasi yang sepatutnya. Keadaan ini menimbulkan pelbagai masalah yang menjadi penghalang kepada kecekapan dan keberkesanan kerja dalam Bahagian Penerbitan JAKIM.

3.2.2. Masalah Kurang Kemahiran

Dalam kajian terhadap urusan penerbitan media cetak dakwah JAKIM ini, didapati soal kemahiran turut menjadi satu masalah. Hal ini berlaku kerana semua pegawai yang dilantik di Bahagian Penerbitan bukan berkelulusan dalam bidang penerbitan media cetak. Oleh itu kemahiran dalam bidang penerbitan media cetak ini lahir kemudian setelah mereka menduduki jawatan-jawatan tersebut.²

Contohnya, semua jawatan kumpulan pengurusan dan profesional di Bahagian Penerbitan JAKIM adalah dilantik daripada kalangan mereka yang berkelulusan dalam bidang pengajian Islam seperti yang dikehendaki dalam syarat perlantikan. Walaupun ilmu mereka dalam bidang keislaman cukup untuk memastikan pengisian seruan dakwah melalui media yang diterbitkan, namun ilmu teknikal dalam bidang penerbitan media cetak adalah mustahak.

¹Chamil Wariya (1998).

²Bahagian Hal Ehwal Islam, Jabatan Perdana Menteri (1996c).

Memperkatakan perlunya kemahiran dalam bidang ini, pakar-pakar bidang komunikasi mengungkapkan bahawa pegawai yang terlibat dalam penerbitan sewajarnya memiliki beberapa kriteria tertentu seperti seorang yang terpelajar, banyak membaca dan mengikuti perkembangan semasa, mempunyai cita rasa sejagat, prihatin terhadap pelbagai perkara seperti peristiwa-peristiwa dunia, politik, falsafah dan sebagainya.¹ Misalnya editor pengeluaran buku merupakan seorang juruteknik yang menentukan langkah-langkah teknikal memindahkan manuskrip kepada sebuah buku siap. Ia perlu mengetahui tugas-tugas penyeliaan *copy-editing*, penulisan semula jika perlu dan penyeliaan penyediaan perkara-perkara permulaan (prelim), pendaftaran hak cipta, pembacaan pruf dan penyediaan indeks. Lain-lain kemahiran yang penting ialah dalam aspek jualan, promosi, pengedaran dan rekabentuk.²

Sehubungan ini, kajian ini mendapati ada langkah dan usaha dilakukan oleh pihak pengurusan JAKIM dengan memberi galakan dan peluang kepada pegawai-pegawai di Bahagian Penerbitan mengikuti kursus-kursus yang bersangkutan, namun penyertaan mereka adalah terhad dan tidak mencukupi.

Daripada kajian yang dijalankan terhadap lima belas orang petugas di Bahagian Penerbitan JAKIM yang terlibat secara langsung dalam kerja-kerja penerbitan, didapati sepuluh orang pernah mengikuti kursus berkaitan bidang tersebut, manakala lima orang lagi tidak pernah. Daripada sepuluh orang yang pernah mengikuti kursus itu, seorang telah mengikuti kursus sebanyak empat kali, lima orang sebanyak tiga kali, dua orang sebanyak dua kali dan dua orang lagi

¹Gamble (1989): 38.

²Hiebert (1975): 199.

hanya sekali. Penglibatan petugas-petugas penerbitan media cetak JAKIM dalam kursus-kursus yang berkaitan penerbitan dapat dilihat dalam jadual 3.8.

Jadual 3.8

Petugas Penerbitan JAKIM Yang Mengikuti Kursus Penerbitan

Bil.	Nama Kursus & Tarikh	Anjuran	Pegawai Terlibat
I. Kursus Pengurusan Penerbitan			
	(14-17 April 1994)	JAKIM	6
2.	Diploma Penerbitan (1995-1996)	UM	1
3.	Bengkel Peningkatan Mutu Majalah (10 & 24 Jun 1995 dan 1,8,15 Julai 1995)	JAKIM	8
4.	Bengkel Penulisan & Kewartawanan (16-19 September 1996)	JAKIM	10

Selain sebab kurangnya pengetahuan dan pendidikan formal dalam bidang penerbitan media cetak, masalah kurang kemahiran yang wujud juga berpunca daripada amalan pertukaran pegawai. Pertukaran pegawai dalam jabatan kerajaan adalah satu perkara lazim, sama ada untuk tujuan kenaikan pangkat, mengisi kekosongan jawatan yang lebih penting atau sebagainya. Dalam sesetengah hal, perkara ini mendatangkan kebaikan, tetapi dari sudut untuk menajamkan sesuatu

kemahiran ia akan membawa kepada keburukan, lebih-lebih lagi jika pertukaran yang dilakukan itu berlaku dengan agak kerap.

Dalam urusan penerbitan media cetak JAKIM ini, pertukaran pegawai atau kakitangan dalam Bahagian Penerbitan sedikit sebanyak mendatangkan masalah, kerana penerbitan media cetak merupakan satu bidang yang bersifat teknikal dan memerlukan petugas-petugas yang mempunyai kemahiran khusus. Kemahiran pula adalah satu perkara yang bukan mudah diperolehi melainkan melalui latihan dan pengalaman, serta memerlukan satu proses atau tempoh masa perkhidmatan yang panjang. Semakin lama seseorang itu berkecimpung dalam sesuatu bidang, semakin banyak pengalaman yang diperolehinya. Begitulah halnya sifat kemahiran dan pengalaman yang diperlukan dalam aktiviti penerbitan media cetak ini.

Betapa ideal kenyataan ini, hakikat yang berlaku ialah pertukaran pegawai sukar dielakkan. Apatah lagi dalam sesuatu perkhidmatan kecil dan tertutup seperti yang berlaku pada JAKIM. Dalam kajian yang dijalankan ke atas pegawai dan kakitangan di Bahagian Penerbitan JAKIM, daripada lima belas orang yang ditemui didapati seorang telah bertukar sebanyak empat kali, empat orang sebanyak tiga kali, tiga orang sebanyak dua kali, dua orang sebanyak sekali manakala lima orang tidak pernah bertukar. Ini menunjukkan pertukaran kerap berlaku terhadap pegawai dan kakitangan dalam Bahagian Penerbitan JAKIM yang menyebabkan tempoh masa berkhidmat di bahagian tersebut tidak panjang. Untuk melihat senario tempoh perkhidmatan pegawai dan kakitangan di Bahagian Penerbitan, sila lihat jadual 3.9.

Jadual 3.9

Tempoh Masa Perkhidmatan Pegawai Di Bahagian Penerbitan

Bil.	Tempoh Perkhidmatan	Jumlah Pegawai
1.	Melebihi 10 tahun	4
2.	5 hingga 10 tahun	2
3.	3 hingga 5 tahun	3
4.	1 hingga 3 tahun	2
5.	kurang dari 1 tahun	4
Jumlah		15

Daripada jadual di atas, menunjukkan tempoh masa berkhidmat bagi pegawai dan kakitangan di Bahagian Penerbitan JAKIM adalah tidak seragam. Seramai empat orang (26.7 peratus) telah berkhidmat melebihi sepuluh tahun, dua orang (13.3 peratus) berkhidmat antara lima hingga sepuluh tahun, tiga orang (20 peratus) berkhidmat antara tiga hingga lima tahun, dua orang (13.3 peratus) berkhidmat antara satu hingga tiga tahun dan empat orang (26.7 peratus) berkhidmat kurang dari setahun. Daripada angka-angka di atas menunjukkan sebahagian daripada petugas-petugas di Bahagian Penerbitan JAKIM masih kurang pengalaman dalam bidang penerbitan kerana tempoh masa berkhidmat yang pendek.

Daripada penjelasan di atas, dapat difahami bahawa dalam pelaksanaan tugas penerbitan media cetak dakwah ini, JAKIM menghadapi masalah kekurangan kemahiran. Masalah ini mengakibatkan berlakunya kelemahan-kelemahan dalam berbagai aspek, antaranya ialah kelemahan dari sudut perancangan, kurang idea dalam aspek-aspek teknikal yang boleh menyebabkan berlaku kecacatan teknik persempahan, kelambatan memproses dan sebagainya.

3.2.3. Masalah Peraturan Penerbitan

JAKIM sebagai sebuah jabatan kerajaan mesti beroperasi atas peraturan-peraturan yang telah ditetapkan oleh kerajaan. Sehubungan bidang penerbitan media cetak ini, Bahagian Pengurusan Kontrak dan Bekalan, Kementerian Kewangan Malaysia telah mengeluarkan sepucuk surat pekeliling iaitu Surat Pekeliling Perbendaharaan (SPP) Bil. 10 Tahun 1993 bertajuk Peraturan Perolehan Percetakan Kerajaan. Surat Pekeliling ini bertujuan untuk memberi penjelasan mengenai tatacara percetakan dan peraturan-peraturan dalam melaksanakannya oleh agensi (kementerian/jabatan/badan berkanun) setelah Jabatan Percetakan Negara diperbadankan mulai 1 Januari 1993. Surat Pekeliling tersebut adalah seperti di Lampiran 22.

Mengikut perkara 3.1.2. surat pekeliling tersebut, semua jenis percetakan yang terkandung di Lampiran A surat pekeliling berkenaan (yang menyatakan tentang dokumen¹ dan kementerian, jabatan dan agensi yang terlibat) hendaklah

¹Menurut Kementerian Kewangan, takrifan "*all documents*" dalam surat pekeliling tersebut ialah semua terbitan termasuk buku, majalah dan sebagainya. Perkara ini disebutkan dengan jelas dalam sepucuk surat Kementerian Kewangan yang ditujukan kepada Pengarah Bahagian Penerbitan JAKIM rujukan S(K&B) (B.09) 735/37 1-396(47) bertarikh 2 September, 1993. Fail JPM(U)/10/1/32.

dibuat dengan Percetakan Nasional Malaysia Berhad (PNMB) dan hendaklah mematuhi peraturan yang telah dipersetujui oleh kerajaan dengan PNMB, termasuk penentuan harga seperti yang dinyatakan dalam *Annexure II* di Lampiran B surat pekeliling berkenaan. Dalam *Annexure I Part II* di Lampiran A surat pekeliling tersebut, telah disenaraikan enam kementerian, jabatan dan agensi yang wajib mematuhi pekeliling ini, iaitu Parlimen, Kementerian Dalam Negeri, Kementerian Kewangan, Kementerian Kehakiman, Suruhanjaya Pilihanraya dan Jabatan Perdana Menteri. Oleh itu JAKIM, iaitu sebuah jabatan di bawah Jabatan Perdana Menteri secara automatik terlibat dan terikat dengan pekeliling tersebut. Dengan demikian mulai 30 Jun 1993, semua urusan percetakan JAKIM perlu dibuat hanya dengan PNMB dan soal sebut harga atau tender tidak timbul lagi seperti yang diamalkan sebelumnya.

Oleh itu, tidak dapat tidak JAKIM terpaksa akur dengan peraturan tersebut. Apabila peraturan ini dipatuhi dan dilaksanakan, wujud masalah-masalah yang menghalang kelincinan urusan penerbitan media cetak JAKIM. Antara perkara yang menimbulkan masalah ketara ialah penetapan harga atau kos penerbitan yang dikenakan oleh PNMB adalah terlalu tinggi berbanding kalau kerja-kerja serupa dibuat oleh pencetak lain.¹ Hal ini telah mengganggu perancangan penerbitan media cetak JAKIM dan JAKIM terpaksa mengurangkan terbitannya.

Selain penetapan harga yang tinggi, masalah yang timbul apabila berurus dengan PNMB ialah, PNMB jarang menepati spesifikasi yang ditetapkan, terutamanya dari segi ketepatan masa dan kualiti cetak. Dari segi ketepatan masa,

¹ Untuk melihat contoh-contoh perbandingan harga antara PNMB dengan pencetak-pencetak lain terhadap beberapa terbitan JAKIM, sila lihat Lampiran 23.

PNMB sering lambat menyiapkan kerja-kerja yang diserahkan mengikut masa yang ditetapkan.¹ Hal ini lebih memburukkan terhadap terbitan berkala seperti majalah dan buletin, kerana kelambatan dalam proses pengeluarannya, sesuatu isu yang dipaparkan dalam sesuatu keluaran menjadi basi dan tidak menarik lagi.

Dengan wujudnya SPP Bil.10 Tahun 1993, JAKIM juga tidak dapat menerbitkan buku-buku pada masa yang diperlukan kerana PNMB tidak dapat menjalankan tugasnya dengan berkesan seperti yang dijanjikan. Dalam Lampiran 24, contoh-contoh dapat dilihat bahawa penyerahan taipskrip telah dibuat pada Julai 1995. Pihak PNMB menjanjikan bahan tersebut akan disiapkan pada bulan Oktober 1995. Walau bagaimana pun, apabila sampai pada tarikh yang dijanjikan, buku-buku tersebut masih belum siap dicetak. Sehingga setahun tempohnya iaitu pada Julai 1996, masih ada buku-buku yang belum disiapkan sepenuhnya. Satu bukti lagi tentang kelambatan kerja-kerja yang dilakukan oleh PNMB ialah pada tahun 1995, empat buah manuskrip kitab telah dihantar ke PNMB untuk urusan cetak. Kitab-kitab tersebut ialah *Riyāḍ al-Ṣāḥīḥīn* Jilid 1 (ulang cetak), *Riyāḍ al-Ṣāḥīḥīn* Jilid 5 (ulang cetak), *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī* Jilid 5 (baru) dan *Buṭūq al-Marām* Jilid 2 (baru). Sehingga akhir tahun 1996 dan awal 1997, sebahagian kitab-kitab tersebut masih belum disiapkan sepenuhnya. Akibat daripada kelambatan PNMB itu, pihak JAKIM sering mendapat kritikan daripada pelanggan yang ingin mendapatkan buku-buku berkenaan.²

Selain masalah kos yang tinggi dan tidak menepati masa, masalah yang dihadapi oleh JAKIM akibat hasil kerja PNMB ialah kualiti perkhidmatan yang

¹Beberapa rekod kelambatan urusan percetakan terbitan JAKIM oleh PNMB dapat dilihat dalam Lampiran 24.

²Fail JPM(U)/10/1/17.

tidak memuaskan. Terdapat beberapa kelemahan dan kesilapan dilakukan oleh PNMB dalam pengeluaran terbitan JAKIM. Contohnya, ada antara gambar-gambar dalam majalah tidak begitu jelas, warna kulit majalah tidak menepati warna yang disebutkan dalam spesifikasi dan sebagainya. Majalah *Cahaya* Bil. I/Januari 1995, misalnya, pada halaman 60, gambar latar belakang tidak disesuaikan dengan warna teks. Ini menyebabkan teks tidak dapat dibaca dengan jelas. Hal serupa ini berlaku dalam kebanyakan majalah yang diterbitkan. Bagi penerbitan buku pula, pernah berlaku saiz kitab *Riyād al-Sāliḥīn* Jilid 4 yang diterbitkan pada tahun 1995 sepatutnya berukuran 6" x 9" seperti yang disebutkan dalam spesifikasi cetak, tetapi telah diterbitkan dalam saiz 7" x 10".

Itulah antara masalah yang wujud akibat penguatkuasaan SPP Bil. 10. Tahun 1993. Dalam laporan penilaian prestasi aktiviti penerbitan bagi tahun-tahun 1993 hingga 1995, telah dikenal pasti bahawa urusan penerbitan media cetak JAKIM mengalami kelembapan mulai pertengahan tahun 1993 adalah berpunca daripada penguatkuasaan peraturan tersebut. Ia turut memberi kesan terhadap keselesaan dari sudut kewangan dan kelincinan proses kerja.¹ Akibatnya JAKIM terpaksa mengubahsuai strategi perancangannya dengan menghadkan pengeluaran, menyusun semula jadual kerja dan sebagainya sambil mencari jalan supaya kemelut ini dapat diuraikan. Antara langkah yang diambil ialah JAKIM mengadakan perbincangan demi perbincangan dengan PNMB bagi mengatasi beberapa masalah yang terlibat. Hasilnya PNMB telah memberi satu laluan, iaitu membenarkan JAKIM menguruskan sendiri kerja-kerja aturhuruf (*type-setting*), penyediaan rekaletak (*layout*) dan filem, tetapi mesti dimaklumkan kepada mereka terlebih dahulu bagi setiap kerja yang hendak dijalankan itu, kerana kerja-kerja tersebut akan

¹Cawangan Penerbitan, Bahagian Hal Ehwal Islam (1996): 4 - 5.

dibayar oleh PNMB. Langkah ini dapat meredakan sedikit masalah kelambatan yang berlaku. Namun demikian penetapan harga yang tinggi masih belum dapat diatasi. Sementara itu kontraktor-kontraktor yang menjalankan kerja-kerja berkenaan pula sentiasa merungut tentang kelambatan soal pembayaran.

Di peringkat JAKIM, isu ini tidak putus-putus dibincangkan oleh pihak pengurusan tertinggi, kerana ia banyak membantutkan usaha dakwah yang mahu dijalankan. Akhirnya pada 13.11.1995, satu perbincangan pihak pengurusan JAKIM yang turut melibatkan penasihat undang-undangnya telah mengambil rumusan bahawa masalah ini tidak akan selesai kecuali memohon pengecualian daripada pekeliling tersebut. Jalan yang sesuai ialah membawa usul ini dalam mesyuarat Jemaah Menteri. Akhirnya usul itu dikemukakan kepada Mesyuarat Jemaah Menteri pada 31 Januari 1996, dan dalam mesyuarat tersebut Jemaah Menteri telah bersetuju JAKIM dibenarkan mengurus-terbitkan buku-bukunya dengan pencetak lain selain PNMB khususnya bagi kitab-kitab penting seperti *Tafsir Pimpinan al-Rahman Kepada Pengertian al-Quran*, *Kitab Mastika Hadith Rasulullah (s.a.w.)*, dan *Terjemahan Riyād al-Sālihiin*.¹ Sungguhpun pengecualian telah diberikan oleh Jemaah Menteri, namun JAKIM masih belum terlepas daripada peraturan tersebut seratus peratus. Pengecualian hanya diberikan bagi urusan penerbitan buku-buku penting sahaja. Urusan penerbitan buku-buku itu pula mesti mengikut peraturan-peraturan di bawah kawalan Kementerian Kewangan, iaitu setiap terbitan yang mahu dicetak masih tertakluk kepada peraturan-peraturan lazim walaupun beberapa surat pekeliling perpendaharaan telah dimansuhkan oleh SPP Bil 10 tersebut.²

¹Fail JPM(U)/10/2.

²Antara Surat Pekeliling Perpendaharaan yang dibatalkan oleh SPP Bil. 10 Tahun 1993 ini ialah SPP Bil. 29 Tahun 1968; SPP Bil. 12 Tahun 1971; SPP Bil. 2 Tahun 1978, SPP Bil. 12

Di samping masalah berkaitan SPP Bil.10 Tahun 1993 itu, masalah lain yang dialami oleh JAKIM berhubung peraturan penerbitan ini ialah berkaitan perjanjian penerbitan antara pengkarya dengan penerbit (JAKIM). Selama JAKIM menjalankan kegiatan menerbitkan penulisan-penulisan daripada para pengkarya untuk bacaan orang ramai, belum pernah diadakan satu perjanjian antara pengkarya dengan JAKIM selaku penerbit. Amalan sedemikian dianggap tidak profesional dan boleh mendatangkan masalah jika berlaku sesuatu perkara seperti kematian dan sebagainya. Sebagai contoh, soal pembahagian royalti kitab *Mastika Hadith Rasulullah (s.a.w.)* jilid ketiga telah menimbulkan masalah apabila penulisnya iaitu Shekh Abdullah Basmeih meninggal dunia pada tahun 1996. Oleh kerana tidak ada butir-butir perjanjian yang dibuat, maka soal pembayaran royalti kepada waris telah menimbulkan masalah. Bagi mengatasi masalah ini JAKIM terpaksa bersemuka dengan semua waris beliau bagi menyelesaikan isu berkenaan.¹

Daripada penjelasan di atas, dapat dirumuskan bahawa dalam pengendalian penerbitan media cetak JAKIM, wujud masalah-masalah yang bersangkut dengan soal pengurusan terutamanya dari segi struktur organisasi, kemahiran dan peraturan-peraturan penerbitan. Wujudnya masalah-masalah tersebut menjadi hambatan kepada JAKIM untuk bergerak lebih efisyen dalam urusan penerbitan media cetaknya, justeru menjelaskan usaha dakwah yang ingin dilakukan dalam bidang ini.

Tahun 1978 dan SPP Bil. 24-1986 dan Pindaan Pertama. Lihat Bahagian Pengurusan Kontrak Dan Bekalan, Kementerian Kewangan Malaysia (1993): 9 - 10.

¹ Mohd. Rus bin Yunus (1997).

3.3. Masalah Kewangan

Sumber kewangan yang mencukupi sangat perlu dalam urusan penghasilan media cetak, kerana aktiviti ini memerlukan kos yang besar. Dalam hubungan ini JAKIM menghadapi dua masalah yang bersangkutan, iaitu peruntukan yang terhad dan masalah peningkatan kos pengeluaran.

3.3.1. Peruntukan Kewangan Yang Terhad

Peruntukan kewangan amat penting bagi sebuah badan penerbit untuk membiayai kerja-kerja penerbitannya.¹ Dalam hal ini JAKIM selaku sebuah jabatan kerajaan mempunyai prosedur tertentu di bawah kawalan Kementerian Kewangan yang perlu dipatuhi meliputi aspek-aspek pemberian peruntukan tahunan, pembiayaan bayaran upah seperti royalti dan sebagainya.

Bagi setiap aktiviti JAKIM yang akan dilaksanakan - termasuk aktiviti penerbitan media cetak - sesuatu jumlah peruntukan tahunan yang diluluskan adalah berdasarkan faktor-faktor tertentu seperti kemampuan kewangan kerajaan, prestasi pencapaian tahun sebelum, kewajaran dengan tenaga kerja yang ada, perimbangan dengan aktiviti-aktiviti bahagian lain, keperluan semasa dan sebagainya. Berdasarkan faktor-faktor tersebut, peruntukan tahunan yang diberikan kepada aktiviti penerbitan media cetak ini biasanya tidak melebihi 2 peratus daripada keseluruhan peruntukan JAKIM. Dalam jadual 3.10 di bawah diperturunkan peruntukan perbelanjaan yang diluluskan bagi aktiviti penerbitan bagi tahun-tahun 1995, 1996 dan 1997 sebagai contoh.

¹*Ensiklopedia Malaysiana* (1995) 10: 32.

Jadual 3.10

Peruntukan Belanja Mengurus Bahagian Penerbitan Berbanding

Peruntukan Belanja Mengurus JAKIM Bagi Tahun-tahun 1995, 1996 dan 1997.

Bil.	Tahun	Peruntukan	Peruntukan	% Peruntukan
		JAKIM	Bhg. Penerbitan	Bhg. Penerbitan
1.	1995	RM 86,222,100.00	RM 1,330,460.00	1.5
2.	1996	RM 131,507,880.00	RM 2,563,000.00	1.9
3.	1997	RM 125,557,600.00	RM 2,450,200.00	1.9

Daripada jadual di atas, dapat diketahui bahawa jumlah peruntukan bagi aktiviti penerbitan adalah terhad, iaitu tidak melebihi 2 peratus daripada peruntukan keseluruhan aktiviti JAKIM. Jadual di atas juga menunjukkan peruntukan yang diberikan kepada Bahagian Penerbitan pada tahun 1996 meningkat berbanding tahun sebelumnya. Peningkatan itu tidak menjamin untuk peningkatan pada tahun seterusnya, kerana pada tahun 1997 didapati jumlahnya telah dikurangkan sebanyak lebih kurang 4.4 peratus daripada tahun sebelumnya. Ini menunjukkan bahawa peruntukan kewangan bagi sesuatu aktiviti adalah bergantung kepada faktor-faktor kemampuan kerajaan, prestasi tahun sebelum dan sebagainya seperti yang telah dijelaskan.

Dari satu sudut, proses pemberian peruntukan tahunan yang dilakukan seperti itu akan memudahkan Bahagian Penerbitan JAKIM untuk mierancang dan melaksanakan aktivitinya. Ini adalah kerana bahagian tersebut tidak perlu berfikir

banyak untuk meningkatkan pengeluarannya, dan memadai berusaha sekadar apa yang telah dilakukan pada tahun sebelumnya. Tetapi dari sudut untuk meningkatkan kuantiti dan kualiti pengeluaran, meneroka bidang-bidang baru dan sebagainya yang melibatkan pertambahan kos, maka hal ini sukar dilakukan. Dengan demikian cita-cita untuk membanyakkan bahan bacaan Islam seperti yang disebutkan dalam objektif Bahagian Penerbitan akan terhalang. Untuk melihat keupayaan pelaksanaan dan pencapaian aktiviti Bahagian Penerbitan JAKIM implikasi daripada peruntukan yang terbatas ini, dalam jadual 3.11 dipaparkan beberapa contoh spesifikasi *out put* secara kasar terhadap aktiviti penerbitan yang dapat dilaksanakan bagi tahun-tahun 1996, 1997 dan unjuran bagi tahun 1998.

Jadual 3.11

Pelaksanaan Dan Pencapaian Beberapa Aktiviti Penerbitan JAKIM

Tahun 1996, 1997 Dan 1998¹

Bil.	Aktiviti	Pelaksanaan Dan Pencapaian		
		1996	1997	1998
1.	Buku			
	(a) Tajuk	15	15	20
	(b) Naskhah	56,000	56,000	60,000
	(c) Kos (RM)	1,231,460.00	1,233,200.00	1,289,050.00
2.	Majalah			
	(a) Tajuk	3	4	4
	(b) Naskhah	75,000	180,000	180,000

¹Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (1998): 5.

	(c) Kos (RM)	32,000.00	89,000.00	90,000.00
3.	Risalah			
	(a) Tajuk	6	6	6
	(b) Naskhah	60,000	60,000	60,000
	(c) Kos (RM)	60,000.00	60,210.00	61,680.00
4.	Pamflet			
	(a) Tajuk	5	5	5
	(b) Naskhah	40,000	50,000	50,000
	(c) Kos (RM)	25,000.00	30,350.00	30,350.00
5.	Promosi			
	(a) Kekerapan	6	6	6
	(b) Kos (RM)	5,000.00	6,300.00	6,300.00
6.	Pameran Buku			
	(a) Kekerapan	5	5	5
	(b) Kos (RM)	10,000.00	11,750.00	11,750.00
7.	Bayaran Royalti			
	(a) Tajuk	20	20	20
	(b) Kos (RM)	300,000.00	300,000.00	300,000.00
8.	Pengambilan Gambar			
	(a) Kekerapan	100	100	144
	(b) Kos (RM)	7,500.00	7,500.00	11,100.00
9.	Peraduan Cerpen			
	(a) Kekerapan	1	0	1
	(b) Kos (RM)	37,509.00	0	38,435.00

Jadual di atas memperlihatkan beberapa petunjuk berhubung aktiviti penerbitan media cetak JAKIM. Petunjuk-petunjuk itu antaranya jumlah judul, kuantiti naskhah dan kos bagi setiap item adalah *stereo-type* antara satu tahun dengan tahun-tahun berikutnya. Pertambahan kuantiti yang berlaku hanya jumlah yang kecil dan tidak memperlihatkan perbezaan ketara. Pertambahan kos yang terlibat dari setahun ke setahun pula menunjukkan peningkatan kos berlaku dalam tahun-tahun kebelakangan walaupun kuantiti dan jumlah judul tidak bertambah. Data-data di atas jelas menunjukkan bahawa aktiviti penerbitan media cetak JAKIM dirancang dan dilaksanakan adalah berdasarkan peruntukan kewangan yang terbatas.

Berhubung peruntukan kewangan ini juga, hasil kutipan jualan penerbitan JAKIM tidak boleh digunakan sebagai modal pusingan. Semua kutipan tersebut perlu diserahkan semula kepada Kementerian Kewangan sebagai hasil kerajaan dan ia tidak diambil kira dalam pemberian peruntukan tahunan. JAKIM juga tidak mendapat wang daripada sumber-sumber lain seperti iklan dan sebagainya untuk tujuan dijadikan modal atau sumber pendapatan seperti lazim dilakukan oleh penerbit-penerbit swasta. Dalam konteks ini, penerbit-penerbit swasta mempunyai ruang yang luas untuk mengukuhkan kewangannya. Para pengeluar barang atau perkhidmatan pula mengambil kesempatan semaksimum mungkin menggunakan alat sebaran am termasuk media cetak untuk mengiklankan produk mereka. Mereka sanggup membayar wang yang banyak untuk setiap iklan, kerana saluran media cetak boleh mencapai audien yang ramai.¹ Bagi sesebuah penerbit pula, faedah yang diperolehi ialah wang, dan sudah tentu dapat mengukuhkan kedudukan mereka. Utusan Melayu Malaysia Berhad umpamanya, bahagian majalahnya sahaja

¹ McLuhan (1973): 207.

telah meletakkan dua indikator penting bagi menghidupkan kegiatan mereka, iaitu menerusi jualan yang tinggi dan pengiklanan. Majalah-majalah yang berpotensi menghasilkan pulangan lumayan dari segi tingginya jumlah jualan ialah majalah *Mangga*, majalah *Mastika* dan majalah *URTV*. Manakala majalah-majalah yang berpotensi dari segi pendapatan iklan ialah *Wanita, Rias* dan *Saji*.¹

Ringkasnya, sebagai sebuah jabatan kerajaan, JAKIM hanya semata-mata mendapatkan sumber kewangan daripada peruntukan tahunan kerajaan bagi membiayai semua aktivitinya. Hal ini membuktikan bahawa peruntukan kewangan bagi aktiviti media cetak JAKIM adalah terhad, lantaran itu boleh menjelaskan kuantiti dan kualiti terbitan yang dihasilkan.

3.3.2. Peningkatan Kos Pengeluaran

Dalam kajian ini didapati peningkatan kos bagi kegiatan media cetak JAKIM disebabkan oleh dua faktor. Faktor pertama ialah kos operasi yang meningkat dan kedua disebabkan oleh pengenaan harga yang tinggi oleh PNMB. Daripada jadual 3.11 yang ditunjukkan di atas, dapat dilihat bahawa perbelanjaan yang terlibat dari setahun ke setahun adalah meningkat. Ini disebabkan oleh peningkatan kos operasi seperti kenaikan harga kertas, peningkatan kos penyenggaraan mesin dan sebagainya. Hal ini sukar dielakkan, justeru memberi kesan dalam kegiatan penerbitan yang dilakukan oleh JAKIM. Contohnya pada akhir tahun 1995 dan awal 1996, harga kertas telah naik secara mendadak. Keadaan ini memberi implikasi besar terhadap peningkatan kos percetakan.² Akibatnya rancangan

¹Chamil Wariya (1998).

²Md. Zahil bin Yusof (1997).

penerbitan terpaksa diubah suai, misalnya pada tahun 1995 buku hanya dapat diterbitkan sebanyak enam judul sahaja daripada 15 judul yang dirancang. Begitu juga pada tahun 1996, hanya 10 judul diterbitkan daripada 15 judul yang dirancang.

Dalam industri penerbitan media cetak peringkat antarabangsa pun, hal ini tidak dapat dielakkan. Umpamanya dalam tahun-tahun 1960-an dan awal 1970-an, telah berlaku peningkatan kos yang agak tinggi dalam industri percetakan. Di Amerika Syarikat misalnya, banyak majalah telah dikurangkan bilangan dan saiz muka suratnya sebagai langkah pengurangan kos. Ada juga majalah diterbitkan hanya untuk audien yang khusus, umpamanya majalah berkala seperti *New York* hanya khusus untuk penduduk di New York sahaja.¹

Satu lagi sebab peningkatan kos yang dialami oleh JAKIM dalam urusan penerbitan media cetak ini ialah disebabkan oleh pengenaan harga yang tinggi oleh PNMB. JAKIM tidak dapat mengelak hal ini kerana mulai tahun 1993 JAKIM dikehendaki menguruskan penerbitan media cetaknya hanya dengan PNMB sahaja seperti yang telah dihuraikan dalam fasal 3.2.3 yang lalu. Dalam peraturan tersebut, JAKIM tidak boleh mempertikaikan soal penentuan harga walaupun PNMB mengenakan harga yang tinggi. Masalah ini tidak timbul pada tahun-tahun sebelumnya apabila JAKIM berurusan dengan pencetak-pencetak lain. Dengan demikian prioriti terpaksa diberi kepada aktiviti yang amat mustahak dan berjadual sahaja seperti penerbitan majalah dan risalah percuma, penerbitan takwim, bayaran royalti kepada penulis, penyenggaraan peralatan dan percetakan dalaman. Keadaan ini sudah tentu tidak dapat menyemarakkan kegiatan dakwah melalui media cetak dengan lebih meluas.

¹GROLIER Academic Encyclopedia (1983) 14: 173.

Daripada huraian di atas, jelas bahawa JAKIM turut menghadapi masalah kewangan untuk ia bergerak lebih berkesan dalam bidang media cetak dakwahnya. Kesannya perkembangan kegiatan dakwah melalui media cetak tajaan JAKIM ini menjadi perlahan dan menjaskankan kuantiti dan kualiti bahan-bahan yang diterbitkan.

3.4. Masalah Persembahan Isi Dan Bentuk Fizikal

Dua aspek paling penting dalam penerbitan media cetak ialah persembahan isi dan bentuk fizikal. Aspek-aspek inilah menjadi pemangkin sesuatu mesej dalam sesebuah media cetak dapat disampaikan kepada khalayak. Dalam hubungan ini, JAKIM turut menghadapi masalah yang sedikit sebanyak boleh menjaskankan kualiti penerbitan media cetaknya.

3.4.1. Masalah Isi Kandungan

Kajian ini mendapati bahawa antara perkara yang menjadi masalah kepada penerbitan media cetak JAKIM ialah terdapat beberapa kekurangan dari segi kualiti isi kandungan. Dalam aspek menerbitkan terbitan berkualiti, satu masalah yang agak ketara ialah JAKIM tidak mempunyai peluang luas untuk mendapatkan manuskrip atau rencana yang baik. Ini disebabkan oleh beberapa faktor, antaranya berkait dengan kredibiliti JAKIM. Seperti yang telah dijelaskan sebelum ini, kedudukan JAKIM sebagai penerbit masih berada dalam kelompok penerbit kecil. Keadaan ini menzahirkan satu gambaran tentang keupayaan sebenar JAKIM dalam bidang penerbitan media cetak ini meliputi aspek-aspek pengurusan, editorial, pengeluaran dan pemasaran yang didapati masih belum sampai tahap kecekapan

seperti penerbit-penerbit besar. Bagi sesetengah penulis, terutamanya yang sudah *establish* dan berkualiti, lazimnya mereka lebih berminat mengemukakan karya mereka kepada penerbit-penerbit besar dan berkeupayaan tinggi dalam urusan penerbitan ini. Bagi mereka, penerbit-penerbit besar dan kukuh seperti Dewan Bahasa dan Pustaka atau lain-lainnya mempunyai kepakaran menguruskan penerbitan dengan lebih cekap dan mahir, justeru menjamin kualiti karya mereka. Oleh hal yang demikian penerbit kecil seperti JAKIM hanya dikunjungi manuskrip-manuskrip hasil tulisan penulis-penulis baru.

Untuk menilai sesebuah karya itu berkualiti atau tidak, terdapat cara-cara tertentu yang boleh dilakukan. Cara utama ialah dengan menganalisa tulisan tersebut. Cara ini memerlukan masa yang agak panjang. Satu cara lain yang agak mudah ialah dengan melihat kelulusan penulisnya, dengan andaian semakin tinggi kelulusannya semakin berkualiti tulisan yang dihasilkannya. Ini adalah kerana setiap pengkarya mempunyai tanggungjawab sendiri untuk menjaga kualiti penulisannya berdasarkan kelulusan yang dimilikinya. Pada pendapat penulis, kaedah kedua ini mempunyai signifikan dan boleh diterima sebagai analisa awalan.

Dalam hubungan penerbitan media cetak JAKIM, setakat ini didapati karya golongan yang berkelulusan tinggi khususnya pensyarah pusat pengajian tinggi adalah rendah. Daripada 138 judul buku jualan yang diterbitkan sehingga tahun 1997, hanya 22 buah karya asli (15.9 peratus) ditulis oleh golongan pensyarah pusat pengajian tinggi iaitu 17 daripadanya (12.3 peratus) berkelulusan Ph.D. Bagi buku terjemahan pula, sebanyak 19 buah (13.8 peratus) adalah hasil terjemahan oleh golongan pensyarah iaitu 11 daripadanya (8 peratus) berkelulusan Ph.D. Jika dikumpul karya-karya tersebut ia berjumlah 41 buah semuanya iaitu kira-kira 29.7

peratus. Bagi buku percuma pula, daripada 41 buah yang diterbitkan, hanya dua buah sahaja (4.9 peratus) ditulis oleh mereka yang berkelulusan Ph.D. Bagi terbitan risalah pula, daripada 318 judul yang diterbitkan sehingga tahun 1997, hanya 46 judul (14.5 peratus) ditulis oleh mereka yang berkelulusan Ph.D. Dari sudut ini jelas menunjukkan bahawa penerbitan JAKIM masih kurang keilmiahannya justeru memperlihatkan tahap kualitinya.

Di sebalik gambaran kekurangan karya berkualiti daripada penulis-penulis yang berkualiti seperti yang dinyatakan di atas, penghasilan media cetak dakwah JAKIM menunjukkan majoritinya adalah karya-karya yang bersifat umum. Karya-karya berbentuk umum ini walaupun mendapat sambutan baik daripada khalayak, namun ia tidak menampakkan peningkatan dari sudut perkembangan minda dan penghayatan Islam. Karya-karya sedemikian memang popular diterbitkan bukan sahaja oleh JAKIM, malah oleh kebanyakan penerbit lain, terutamanya yang mementingkan keuntungan komersil. Hal ini menjadi kritikan oleh sebahagian pengkaji penerbitan Islam seperti yang telah diuraikan dalam fasil 1.5.1. dalam bab pertama dahulu.

Selain kekurangan karya-karya ilmiah dan berkualiti, terdapat tiga judul buku JAKIM telah ditahan edarannya disebabkan kesilapan dalam isi kandungan. Buku-buku tersebut ialah sebuah buku terjemahan (jualan) berjudul *Sistem Kejuruteraan Dalam Islam* yang ditahan edarannya kerana kesilapan terjemahan. Sebuah buku lagi iaitu buku terjemahan (percuma) berjudul *Ancaman Kepada Dunia Islam* ditahan edarannya kerana kandungannya tidak sesuai dengan kehidupan masyarakat majmuk di negara ini. Sebuah buku lagi ialah buku cerita kanak-kanak berjudul *Berkorban Kerana Allah* ditahan edarannya kerana

mengandungi visual seorang nabi. Lakaran visual nabi adalah satu perbuatan yang tidak dibenarkan dalam Islam. Dalam hal ini Hj. Abdullah Hussain menyatakan perlukisan watak nabi atau malaikat, sama ada bertulis atau tidak adalah sesuatu yang tidak beretika.¹ Kesilapan-kesilapan tersebut walaupun hanya kira-kira 2.2 peratus, namun ia menggambarkan kelemahan JAKIM dalam proses membentuk kualiti isi kandungan terbitannya.

Daripada observasi dan pengalaman penulis,² kekurangan ini berlaku disebabkan oleh kelemahan-kelemahan dalam aspek pengurusan dan editorial yang berkait pula dengan masalah-masalah kekurangan kakitangan, kemahiran pegawai dan sebagainya seperti yang telah disentuh dalam fasal 3.2. sebelum ini. Jika masalah-masalah tersebut dapat diatasi dengan baik, maka soal kelemahan dalam segi isi kandungan ini dijangka dapat diatasi.

Kelemahan aspek isi kandungan ini tidak hanya berlaku dalam penerbitan buku sahaja, malah berlaku juga dalam penerbitan jurnal. *Jurnal Penyelidikan Islam* misalnya, kandungannya ialah menyiaran hasil penyelidikan yang dilakukan oleh Bahagian Penyelidikan JAKIM. Dalam hal ini, Mohd. Nawawi Mahmood, Ketua Pengarah pertama Bahagian Agama, Jabatan Perdana Menteri telah menyatakan pandangannya seperti berikut:

"Bidang penyelidikan keagamaan adalah satu perkara yang rumit untuk dilakukan dan dibuat apa-apa keputusan mengenainya. Perkara agama tidak boleh diukur secara perincian kerana ia melibatkan soal kepercayaan. Kerumitan lain ialah tentang punca asas kewibawaan. Kewibawaan dalam soal agama iaitu Islam"

¹ Abdullah Hussain (1995): 8.

² Penulis telah berkhidmat dengan JAKIM selama hampir 15 tahun (1982 hingga 1996) dan bertugas di Bahagian Penerbitan selama satu tahun enam bulan.

adalah terletak kepada punca syariat dan akidah, iaitu kitab suci al-Qur'an, sunnah Rasulullah (s.a.w.) dan lain-lain sumber yang diasaskan kepada kedua-duanya. Ahli-ahli agama Islam (muslim scholars) tidak dibenarkan mencipta kreativiti sendiri dalam soal agama tanpa merujuk kepada sumber-sumber di atas. Keadaan ini berlainan dengan ahli-ahli sains tulen, sains politik, sains sosial, psikologi dan lain-lain. Di sinilah terletaknya kesempitan dalam pengkajian dan penyelidikan tentang Islam.¹

Dengan demikian bahan-bahan kajian yang menjadi in put kepada jurnal ini tidaklah terisi dengan rencana hasil kajian yang benar-benar lengkap terutamanya pada peringkat awal penerbitan *Jurnal Penyelidikan Islam* ini.

Bagi terbitan buletin pula, sama ada buletin *Uswah* ataupun *Takmir*, bahan berita agak sukar diperolehi walaupun petugas-petugas telah dilantik. Buletin *Uswah* misalnya, berita yang perlu dimuatkan ialah mengenai kegiatan bahagian-bahagian JAKIM. Setiap bahagian telah dilantik seorang pegawai khusus untuk menyediakan berita bahagian masing-masing dan dikehendaki mengemukakan kepada pengarang. Tetapi keadaan yang berlaku, pegawai-pegawai yang dilantik itu tidak menjalankan tugas mereka dengan sempurna, maka berita yang diperlukan tidak sampai kepada pengarang. Apabila keadaan ini berlaku, pengarang sendiri terpaksa menjalankan tugas mencari berita di semua bahagian yang pada hakikatnya tanggungjawab ini tidak mampu dipikulnya seorang. Dengan demikian kandungan buletin ini didapati tidak mencapai hasrat dan kualiti yang dikehendaki.²

Hal yang sama juga berlaku pada penerbitan buletin *Takmir*. Antara kandungan utama buletin ini ialah menyiaran berita kegiatan program

¹Mohd. Nawawi Mahmood (1978) 1: 3.

²Zaini Naura Aza binti Md. Zain (1997).

pengimaranan masjid dan surau peringkat negeri. Setiap negeri mempunyai pegawai penyelaras program takmir masjid dan surau. Bagi tujuan penerbitan buletin ini, pegawai-pegawai berkewenang dikehendaki menyediakan berita kegiatan takmir di negeri masing-masing dan menghantarkannya kepada pengarang *Takmir*. Apa yang terjadi pada buletin *Uswah* terjadi juga pada buletin *Takmir* menyebabkan kandungan buletin ini juga kurang mencapai hasrat seperti yang dikehendaki.¹

Satu lagi perkara yang didapati menjadi masalah dalam aspek isi kandungan media cetak JAKIM ialah dari segi tatabahasa. Dalam terbitan JAKIM yang meliputi buku, jurnal, majalah, buletin dan risalah, masih terdapat kesalahan-kesalahan dari sudut tatabahasa. Kesalahan-kesalahan tersebut pasti mengurangkan kualiti sesuatu terbitan. Sebagai contoh, berikut ini dikemukakan ulasan dan pandangan Puan Asiah Idris,² editor *Jurnal Dewan Bahasa*, Dewan Bahasa dan Pustaka terhadap kandungan majalah-majalah *Sinaran Islam*, *Ruhaniyyat*, *Cahaya*, *Pendidik* dan buletin *Uswah* yang diterbitkan pada awal tahun 1995. Menurut beliau, secara umum ada tujuh masalah utama yang dapat dikesan dalam kelima-lima majalah dan buletin tersebut, iaitu penggunaan kata sendi, imbuhan, struktur ayat, kata kerja transitif, penggunaan kata, ejaan dan lain-lain seperti jamak dan sebagainya.

¹Zaitun binti Abdul Rahman (1997).

²Puan Asiah Idris berkelulusan Sarjana Muda dalam bidang linguistik dari Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi. Bertugas di Dewan Bahasa dan Pustaka, mula-mula di Bahagian Penyerjemahan, kemudian di Bahagian Perkamus dan Bahagian Penyelidikan Bahasa. Kini bertugas di Bahagian Majalah sebagai Editor *Jurnal Dewan Bahasa*. Beliau banyak menulis tentang hal-hal yang berkaitan dengan isu dan penggunaan bahasa yang tersiar dalam *Pelita Bahasa*, *Jurnal Dewan Bahasa* dan akbar tempatan. Beliau juga aktif menterjemah buku dan makalah, menyampaikan ceramah yang berkaitan dengan penggunaan bahasa, tatabahasa dan penyuntingan.

Menurut beliau, masalah yang berhubung dengan kata sendi timbul kerana besar kemungkinan sidang editor kurang mengenal kata sendi dan tidak pasti tentang fungsi dan cara penggunaannya yang betul. Kerana itu timbulah ayat-ayat yang di dalamnya terkandung dua kata sendi yang digunakan secara berturutan seperti **sejak dari**, **selain dari/daripada** dan **hingga/ke hari ini**. Terdapat juga penggunaan kata sendi yang tidak tepat atau tidak sesuai seperti **di zaman** (seharusnya **pada zaman**), **di segi** (seharusnya **dari segi**), **diikuti dengan** (seharusnya **diikuti oleh**) dan sebagainya.

Demikian juga masalah yang berkaitan dengan imbuhan timbul barangkali kerana kurang kefahaman atau kurang pasti tentang penggunaan imbuhan yang betul. Masalah yang paling menonjol yang ada hubungannya dengan imbuhan **-kan** dan **-i** serta imbuhan **memper-**. Kerana itu timbulah ayat "Allah menjadikan alam supaya manusia **memikir** dan **memerhati** kejadian alam ini" yang sepatutnya "Allah menjadikan alam supaya manusia **memikirkan** dan **memperhatikan** kejadian alam ini".

Masalah ketiga berkaitan dengan ayat. Secara kasarnya masalah ini dapat dikelompokkan kepada tiga, iaitu ayat tanpa subjek/predikat, ayat yang terlalu panjang dan ayat yang tidak kemas dan tidak jelas. Contoh ayat tanpa subjek/predikat ialah "Pada hakikatnya menjelaskan bahawa bumi itu adalah bulat." Sepatutnya ayat ini berbunyi "Pada hakikatnya, hal ini menjelaskan bahawa bumi itu bulat." Contoh ayat yang panjang ialah:

"Berdasarkan kenyataan yang dibuat oleh Abu Nasr Abdullah bin Ali al-Siraj al-Tusi (278 Hijrah) seorang tokoh sufi terkenal abad keempat Hijrah, yang merupakan pendokong utama aliran tasawuf Nisabur dalam abad keempat dalam kitab tulisan beliau *al-Luma'* sebuah kitab yang dianggap sebagai sahaja bahan rujukan

paling tua, tetapi juga paling utama dalam bidang tasawuf, kita mendapat maklumat bahawa persoalan penyelewengan dalam amalan tasawuf yang dilakukan oleh golongan yang menganggap diri mereka sebagai sufi atau berkedudukan hampir dengan Tuhan bukanlah satu fenomena baru dalam sejarah tamadun bukan Islam malahan ia sudah boleh ditemui dengan baik dan lumayan sejak abad keempat Hijrah dan abad-abad yang lebih awal daripada itu, sehingga catatan yang dibuat oleh al-Siraj tersebut terpaksa memakan hampir 40 halaman buku yang berukuran 17 cm x 22 cm."

Masalah keempat pula ialah berkaitan dengan aspek kata kerja transitif dan kata kerja tak transitif. Contohnya ayat "Janganlah sampai kita **membazir** wang ringgit ..."¹ sepatutnya "Janganlah sampai kita **membazirkan** wang ringgit ...", "Dalam al-Qur'an Allah telah **menceritakan tentang** unsur kedua ini ..."²" sepatutnya "Dalam al-Qur'an Allah telah **menceritakan** unsur kedua ini.".

Masalah kelima berhubung dengan penggunaan kata yang tidak tepat seperti **ia/ianya, sepermata/di mana, justeru itu** dan sebagainya. Misalnya dalam ayat "Keunggulan bahasa al-Qur'an manakjubkan kerana **ia** melampaui batas masa, sempadan negara dan sempadan bangsa",³ sepatutnya "Keunggulan bahasa al-Qur'an menakjubkan kerana melampaui batas masa, sempadan negara dan sempadan bangsa." Ayat "Dalam Islam tiada sistem perhambaan **sepermata** yang berlaku dalam sesetengah pemerintahan pada masa-masa lalu ..."⁴, sepatutnya "Dalam Islam tiada sistem perhambaan **seperti** yang berlaku dalam sesetengah pemerintahan pada masa-masa lalu"

¹Pengarang *Sinaran Islam* (1995): 2.

²Mahmood Zuhdi Hj. Abdul Majid (1995): 15.

³Abdul Halim El-Muhammady (1995): 3.

⁴Mahmood Zuhdi Hj. Abdul Majid (1995): 15.

Masalah keenam menyangkut soal ejaan. Masalah ini bukanlah masalah yang terlalu menonjol namun perlu diberi perhatian demi meningkatkan mutu majalah dalam segala aspek. Masalah ini tidak terlalu sukar diatasi asal saja sidang editor rajin merujuk kepada kamus atau daftar ejaan. Masalah-masalah lain termasuklah masalah yang berkaitan dengan jamak dan lain-lain. Contoh kesilapan penggunaan jamak ialah dalam ayat "Tauhid merupakan asas ajaran yang dibawa oleh **semua para anbiya' dan mursalin**"¹, sepatutnya "Tauhid merupakan asas ajaran yang dibawa oleh **para anbiya' dan mursalin**". Ayat "Perbezaan dengan **lain-lain bidang** seperti ilmu sains ..." ² sepatutnya "Perbezaan dengan **bidang-bidang lain** seperti ilmu sains ...".

Menurut beliau lagi, selain tujuh masalah yang disebutkan di atas, ada beberapa hal yang nampaknya lebih menonjol dalam majalah tertentu. Misalnya majalah *Pendidik*, iaitu majalah untuk kanak-kanak sekolah rendah, ada makalah yang termuat dalam majalah ini yang struktur ayatnya agak panjang dan terlalu sukar bagi pelajar pada peringkat tersebut. Hal ini amat menonjol dalam makalah yang berjudul "Mengenal Jenis-jenis Kudis". Sebagai contoh ayat "Ketuat boleh diubati dengan menggunakan cecair asid atau nitrogen sehingga 30 saat atau satu minit dan seelok-eloknya dibalut kemudian direndam ke dalam air panas seterusnya dikorek dan dibuang". Ayat lain "Ia merupakan kesan reaksi sensitiviti kepada deposit antigen yang dihasilkan oleh serangga."³ Ayat-ayat ini terlalu terlalu panjang dan susah untuk difahami.

¹Mohd. Zuhairi bin Sapuan (1995): 56.

²Abdul Rashid bin Husin (1995): 9.

³Ainon Hayati Shamsuddin (1995): 6 - 8.

Satu lagi majalah yang nampaknya menonjol masalah yang berkaitan dengan struktur ayat ialah majalah *Ruhaniyyat*. Sebahagian besar ayat-ayat yang digunakan dalam majalah ini agak panjang dan kuat dipengaruhi oleh struktur ayat yang lazim digunakan dalam kitab-kitab lama. Barangkali kerana penulis-penulis makalah dalam majalah ini berpendidikan Arab maka struktur ayat yang ditulis pun kuat berbau Arab. Bagi pembaca *layman* dalam bidang agama, mereka akan mendapati makalah-makalah dalam majalah ini berat dan memerlukan pembacaan yang berulang kali untuk dapat difahami.¹

Daripada penjelasan di atas, dapat dirumuskan bahawa dalam urusan penerbitan media cetak, JAKIM turut mempunyai masalah dalam aspek isi kandungan yang berpunca daripada beberapa faktor seperti kekurangan bahan berkualiti, kesilapan terjemahan dan penyuntingan, kekurangan bahan, dan masalah tatabahasa. Hal ini turut menjelaskan aspek-aspek kualiti penerbitan yang dihasilkan.

3.4.2. Masalah Bentuk Fizikal

Bentuk fizikal adalah satu perkara yang agak penting dalam penerbitan media cetak. Ia terdiri daripada aspek-aspek rekabentuk, saiz sesuatu terbitan dan peraturan teknikal penerbitan. Perihal pentingnya aspek ini ialah ia menjadi elemen yang boleh menarik minat dan kecenderungan khalayak untuk mendapatkannya, sekaligus melengkapkan kualiti sesebuah terbitan. Untuk menilai kualiti rekabentuk sesebuah terbitan adalah satu perkara yang subjektif, kerana ia melibatkan soal minat dan kecenderungan khalayak yang mempunyai pelbagai cita rasa. Walaupun

¹Asiah Idris (1995).

begitu kekuatan atau kelemahan aspek ini boleh diukur dengan melihat beberapa indikator.

Bagi terbitan media cetak JAKIM, urusan penyediaan rekabentuk mempunyai masalah agak ketara. Dalam struktur organisasi Bahagian Penerbitan JAKIM, hanya satu jawatan pereka gred B 7 (kumpulan sokongan) diperuntukkan bagi menguruskan rekabentuk semua terbitannya. Jawatan itu pula telah kosong mulai tahun 1996 dan masih belum diisi hingga sekarang. Petunjuk ini sudah cukup untuk menggambarkan masalah yang dihadapi oleh JAKIM dalam urusan penyediaan rekabentuk bagi terbitan-terbitannya. Dengan demikian jaminan untuk mewujudkan rekabentuk yang berkualiti belum dapat diharapkan.

Disebabkan hanya satu jawatan pereka sahaja yang ada dan rendah pula grednya, pegawai berkenaan hanya diberikan tanggungjawab menyediakan rekabentuk risalah dan terbitan rampaian seperti poster dan stiker. Manakala urusan rekabentuk buku, majalah dan jurnal diuruskan oleh pengarang atau pegawai penerbitan yang bertanggungjawab terhadap terbitan tersebut yang dibuat secara upah. Bagi kerja-kerja yang dibuat oleh pegawai pereka yang ada, tiada siapa yang boleh menyemak atau menilai hasil kerjanya, melainkan hanya beliau sendiri. Begitu juga bagi kerja-kerja yang diupah, pegawai atau pengarang yang terlibat hanya menyerah bulat-bulat kepada pihak yang mengambil upah bagi menyediakan rekabentuk tersebut. Setelah jawatan pereka itu kosong mulai tahun 1996, beban tugas tersebut dipikul oleh pegawai penerbitan risalah dan beban tugasnya seperti juga pegawai penerbitan buku, jurnal dan majalah seperti yang telah dinyatakan. Pegawai-pegawai berkenaan tidak mempunyai kepakaran atau pengalaman dalam

bidang rekabentuk. Hal ini menunjukkan JAKIM mempunyai masalah dari segi penyediaan bentuk fizikal yang berkualiti dalam penerbitan media cetaknya.

Selain indikator seperti yang dinyatakan diatas, satu lagi indikator yang dapat memperlihatkan wujudnya masalah dari segi bentuk fizikal ini ialah dengan melihat komentar daripada mereka yang pakar dalam bidang ini. Sebagai contohnya Encik Shukur Lin, Pengarah Kreatif Utusan Melayu (Malaysia) Berhad telah memberikan komennya secara umum terhadap rekabentuk majalah dan buletin yang diterbitkan oleh JAKIM. Menurut beliau, rekabentuk majalah-majalah JAKIM adalah sederhana dan boleh ditingkatkan kualitinya. Sedikit kelemahan ialah bagi majalah *Pendidik* kerana majalah ini (sebuah majalah untuk kanak-kanak peringkat umur sekolah rendah) agak sukar sedikit, kerana rekabentuk dan konsepnya harus bersesuaian dengan peribadi kanak-kanak itu sendiri. Berkaitan penggunaan taifografi (*font*) pula, sesuatu jenis *font* yang mahu digunakan bagi sesebuah majalah mestilah mengikut konsep majalah yang hendak diterbitkan. Gambar-gambar yang hendak digunakan pula mestilah terang dan menarik terutama gambar-gambar warna. Konsep-konsep ini didapati agak kurang diberi perhatian dalam majalah-majalah terbitan JAKIM.¹

Satu aspek lagi dalam memperkatakan teknik bentuk fizikal ini ialah dari segi saiz sesuatu terbitan. Bagi terbitan JAKIM iaitu buku, jurnal, majalah dan risalahnya mempunyai saiz-saiz yang pelbagai. Bagi sesetengah pembaca, kepelbagaiannya ini tidak menjadi masalah bagi mereka. Tetapi bagi pihak-pihak seperti pusat rekod, pusat sumber dan perpustakaan-perpustakaan, hal ini tentu menimbulkan masalah kerana sukar bagi mereka untuk mendokumentasikan dalam

¹Shukur Lin (1995).

bentuk jilid atau menyusunnya pada rak-rak tertentu untuk simpanan dan kemudahan orang ramai membuat rujukan. Hatta bagi Bahagian Penerbitan JAKIM sendiri pun sukar baginya untuk menyimpan terbitan-terbitan berkenaan dalam satu bentuk yang mudah, teratur dan menarik.

Dalam penerbitan buku, antara saiz buku yang pernah diterbitkan oleh JAKIM ialah 6" x 81/2", 51/2" x 8", 51/2" x 9", 5" x 81/2", 6" x 8", 51/2" x 81/2", 6" x 9", 5" x 71/2", 7" x 10", 61/2" x 91/2", 6" x 9" dan lain-lain. Pada sesetengah pihak, kepelbagaiannya saiz buku ini tidak menjadi masalah besar kerana ia bergantung kepada kesesuaian tebal nipis sesuatu judul. Namun begitu Encik Mohamad bin Yusof, Pengurus Besar Percetakan Ampang Press ketika diminta komennya terhadap saiz-saiz buku yang diterbitkan oleh JAKIM, beliau menyatakan bahawa penentuan ukuran sesuatu terbitan tidak wajar dibuat secara sesuka hati. Ia perlu ditentukan dengan mengambil kira faktor-faktor saiz kertas dan saiz mesin yang digunakan oleh pencetak. Kertas-kertas dan mesin cetak yang digunakan oleh pencetak-pencetak adalah dalam saiz-saiz tertentu mengikut ukuran piawai antarabangsa. Oleh itu ukuran buku atau terbitan lain perlulah ditentukan dalam bentuk *standard* antarabangsa supaya ia dapat menjimatkan kos (tidak banyak kertas yang dibuang) dan sesuai dengan mesin cetak yang digunakan.¹

Walaupun kepelbagaiannya saiz buku tidak menjadi masalah besar dan bergantung kepada ketebalannya, namun bagi penerbitan buku-buku yang bersiri, perbezaan saiz yang berlaku adalah tidak wajar. Hal ini berlaku dalam sebahagian penerbitan buku-buku JAKIM. Misalnya bagi kitab *Mastika Hadith Rasulullah (s.a.w.)* edisi Jawi, yang diterbitkan oleh JAKIM, ada yang berukuran 6" x 9" dan

¹Mohamad bin Yusof (1995).

ada $61/2'' \times 91/2''$. Begitu juga *Kitab Riyād al-Sālihiñ*, ada yang berukuran $7'' \times 10''$ dan $61/2'' \times 91/2''$. Sewajarnya buku-buku yang bersiri seperti itu mempunyai ukuran yang sama untuk memudah dan mencantikkan penyimpanannya.

Masalah perbeaan saiz juga berlaku pada penerbitan jurnal. *Jurnal Hukum* misalnya ada yang diterbitkan dalam saiz $6'' \times 9''$ dan ada yang $6\frac{1}{2}'' \times 9\frac{1}{2}''$. *Jurnal Penyelidikan Islam* pula ada yang diterbitkan dalam saiz $6'' \times 9''$, $7'' \times 9\frac{1}{2}''$, $7'' \times 10''$, $6\frac{1}{2}'' \times 10''$ dan $6'' \times 8''$. Hal ini adalah sesuatu yang tidak wajar berlaku. Selain buku dan jurnal, risalah-risalah yang diterbitkan oleh JAKIM juga mempunyai kepelbagaiaan dari segi saiznya. Antara saiz risalah yang pernah diterbitkan ialah $9\text{ cm} \times 12\text{ cm}$, $10\text{ cm} \times 15\text{ cm}$, $11\text{ cm} \times 15\text{ cm}$, $11\text{ cm} \times 18\text{ cm}$, $12\text{ cm} \times 17\text{ cm}$, $12\text{ cm} \times 18\text{ cm}$, $14\text{ cm} \times 19\text{ cm}$, $15\text{ cm} \times 21\text{ cm}$, $15\text{ cm} \times 22\text{ cm}$. Perbeaan saiz ini bukan sahaja berlaku pada siri-siri yang berlainan, malah dalam sesuatu siri tertentu pun terdapat saiz yang tidak sama.

Perkara-perkara yang berkait dengan peraturan teknik penerbitan pula, ada empat perkara yang penting, iaitu perletakan nombor ISBN (*International Standard Book Number*) dan data pengkatalogan bagi terbitan buku, nombor ISSN (*International Standard Serial Number*) bagi terbitan bersiri, kod jalur dan nombor siri keluaran bagi terbitan majalah dan buletin.

ISBN dan ISSN adalah sistem pernomboran antarabangsa bagi diletakkan pada setiap terbitan. Tujuannya ialah untuk memudahkan orang ramai mendapatkan sesuatu terbitan dan memudahkan sistem pendokumentasian. Begitu juga dengan kod jalur, data pengkatalogan dan nombor siri keluaran yang mempunyai kegunaan masing-masing. Perkara-perkara ini perlu diterakan pada setiap keluaran terbitan

sebagai memenuhi piawai penerbitan antarabangsa dan mengesahkan sebagai terbitan yang bersistem dan berkualiti. Di Malaysia sistem pernomboran ISBN, ISSN dan data pengkatalogan dikawal dan ditentukan oleh Perpustakaan Negara Malaysia. Oleh itu mana-mana penerbit yang mahu menerbitkan sesuatu terbitan sama ada yang bersiri atau tidak bersiri mestilah merujuk kepada Perpustakaan Negara Malaysia bagi tujuah mendapatkan perkara-perkara tersebut.

Dalam penerbitan media cetak JAKIM, peraturan penggunaan ISBN, data pengkatalogan dan kod jalur bagi terbitan bukunya mula dipatuhi pada tahun 1994. Sebelum itu perkara ini tidak diamalkan disebabkan oleh kelemahan-kelemahan dalam ehwal pengurusan penerbitan seperti yang telah disentuh sebelum ini. Bagi penggunaan ISSN pula, dalam terbitan bersiri JAKIM seperti jurnal, majalah dan risalah, didapati penggunaannya tidak mantap dan bercelaru. Sepatutnya penggunaan ISSN dalam sesuatu terbitan bersiri tidak menjadi masalah kerana prosesnya adalah mudah. Dalam terbitan jurnal, iaitu *Jurnal Penyelidikan Islam* dan *Jurnal Hukum* masing-masing telah mempunyai nombor ISSNnya tersendiri. Penggunaan ISSN bagi *Jurnal Hukum* adalah mantap dan tiada masalah. Tetapi bagi *Jurnal Penyelidikan Islam*, penggunaan ISSNnya adalah bercelaru. Bagi keluaran kedua hingga kelima, nombor ISSNnya diterakan pada keluaran-keluaran tersebut, tetapi dalam keluarannya yang keenam pada 1986, keluaran ketujuh pada 1989 dan keluaran kelapan pada 1993, nombor ISSNnya tidak diterakan. Hal ini menunjukkan ada masalah dari segi urusan pengeluarannya.

Bagi terbitan majalah pula, penggunaan ISSN ini lebih teratur kerana setiap keluarannya diletakkan nombor siri tersebut. Cuma buletin *Uswah* sahaja tidak menggunakan pernomboran ini. Bagi terbitan buku bersiri pula tiada sebuah pun

yang meletakkan nombor siri ini baik pada waktu ini ataupun masa sebelumnya. Bagi penerbitan risalah, dua siri sahaja yang mempunyai nombor ISSN, iaitu al-Yakin dan al-Risalah. Pemakaian nombor ISSN kedua-dua siri ini pula agak celaru kerana dalam siri al-Yakin terdapat keluaran yang diterbitkan menggunakan nombor yang berbeza, iaitu 0127-1482, 0127-1492 dan 0127-1490. Sepatutnya bagi satu siri hanya satu siri nombor sahaja digunakan. Dalam pada itu banyak juga terbitan siri ini yang tidak menggunakannya. Siri al-Risalah pula menggunakan nombor 0127-1482, tetapi sebahagian besar keluarannya tidak menggunakannya. Kebelakangan ini pemakaian nombor tersebut seolah-olah tidak penting lagi kerana setiap keluaran, siri nombor ISSN tersebut sudah tidak dimasukkan. Berikut ini disenaraikan terbitan bersiri JAKIM yang mempunyai nombor ISSN :

Jadual 3.12

Nombor ISSN Bagi Terbitan Bersiri JAKIM

Bil.	Judul Terbitan/Siri	Nombor ISSN
1.	<i>Jurnal MASA</i> Bil. 1	Tiada
	<i>Jurnal MASA</i> Bil. 2 hingga 5	1026-916X
	<i>Jurnal Penyelidikan Islam</i> Bil. 6 hingga 8	Tiada
	<i>Jurnal Penyelidikan Islam</i> Bil. 9	1394-4428
2.	<i>Jurnal Hukum</i>	0127-1504
3.	<i>Jurnal Darul Quran</i>	1394-391X
4.	<i>Al-Yakin</i>	0127-1482
		0127-1490
		0127-1492

5.	Al-Risalah	0127-1482
6.	Majalah <i>Sinaran Islam</i>	0127-3566
7.	Majalah <i>Ruhaniyyat</i>	0128-1712
8.	Majalah <i>Cahaya</i>	0128-2239
9.	Majalah <i>Pendidik</i>	0128-2247
10.	Buletin <i>Takmir</i>	0128-5742

Dalam penerbitan majalah dan buletin, lazimnya terdapat satu nombor bilangan atau siri keluaran yang digunakan dalam setiap keluaran berserta tarikh atau bulan dikeluarkan. Contohnya KDN. P.P. 2194/10/97 MAC 1998 ZULKAEDAH 1418 TAHUN KE-25 BIL: 291 yang digunakan oleh Majalah *al-Islam* terbitan Utusan Melayu (Malaysia) Berhad keluaran Mac 1998. Butiran ini sangat penting bagi khalayak pembaca untuk mendapatkan sesuatu keluaran berdasarkan tarikh keluarannya, khususnya bagi membezakan keluaran yang baru atau yang lama. Amalan ini telah diamalkan dalam penerbitan majalah dan buletin JAKIM sejak permulaan terbitan-terbitan tersebut dikeluarkan. Namun mulai tahun 1996, satu perubahan telah dibuat terhadap amalan ini iaitu tarikh bulan diterbitkan bagi semua majalah dan buletinnya telah dihapuskan. Perubahan ini dibuat kerana pengeluaran majalah dan buletin JAKIM sering lewat daripada sasaran waktu yang dikehendaki.¹ Perubahan ini telah menimbulkan masalah kepada pengguna untuk mengetahui sesuatu keluaran itu berdasarkan bulannya.

Keadaan seperti yang dinyatakan di atas jelas menunjukkan bahawa JAKIM mempunyai masalah dalam urusan penyediaan bentuk fizikal media cetaknya untuk

¹Rusmiati binti Harun (1997).

mencapai tahap yang berkualiti. Masalah ini berpunca daripada masalah-masalah dalam urusan pengeluarannya di samping masalah kurang kemahiran di kalangan pegawaiannya bagi mengendalikan urusan tersebut.

Daripada huraian tentang permasalahan dari segi isi kandungan dan bentuk fizikal seperti yang dinyatakan di atas, dapatlah dirumuskan bahawa masih terdapat beberapa kelemahan dalam penerbitan media cetak JAKIM yang menghalang penghasilan terbitan yang berkualiti. Kelemahan-kelemahan tersebut sedikit sebanyak mengganggu kelincinan JAKIM berperanan secara berkesan dalam penyebaran dakwah melalui media cetak.

3.5. Masalah Pemasaran

Setiap terbitan tidak memberi sebarang makna jika tidak sampai kepada khalayak pembaca. Maka di sinilah letaknya peranan bidang pemasaran yang perlu beroperasi secara berkesan supaya setiap terbitan dapat disebarluaskan dengan luas mencapai sasaran yang dikehendaki. Bagi JAKIM yang menerbitkan dua kategori terbitannya iaitu terbitan jualan dan terbitan percuma mempunyai kaedah-kaedah tertentu dalam urusan pemasarannya seperti yang telah dijelaskan dalam bab dua dahulu. Seperti dalam urusan-urusan lain, kajian ini juga mendapati pemasaran media cetak JAKIM turut menghadapi beberapa masalah. Untuk melihat masalah-masalah mengenai urusan pemasaran ini, huraian mengenainya didasarkan kepada empat elemen pemasaran (4P) iaitu keluaran (*product*), harga (*price*), pengedaran (*physical distribution*) dan promosi (*promotion*).

3.5.1. Masalah Keluaran

Membicarakan aspek keluaran, perkara awal yang patut disentuh ialah perancangannya. Dalam konteks penerbitan media cetak JAKIM, perancangan keluaran bermaksud penghasilan, pembentukan dan penerbitan judul-judul baru atau ulangan yang dapat diketengahkan kepada masyarakat untuk menyampaikan dakwah. Merancang judul terbitan sama ada terbitan percuma atau terbitan jualan merupakan tugas penting yang diletakkan di bawah pengurusan tertinggi JAKIM yang menurunkan kuasanya kepada Jawatankuasa Penerbitan dan Bahagian Penerbitan sendiri. Dalam hal ini JAKIM, khususnya Bahagian Penerbitannya mempunyai unjuran sendiri tentang jumlah terbitannya, atau judul-judul rencana yang akan diterbitkan pada sesuatu tahun serta memperuntukkan jumlah kos bagi membiayai program penerbitannya.

Dalam hal ini, JAKIM didapati mempunyai kecenderungan mempelbagaikan jenis terbitannya. Oleh itu JAKIM telah menerbitkan buku, jurnal, majalah, buletin, risalah, tabloid, poster dan stiker. Mempelbagaikan jenis terbitan merupakan langkah yang baik dalam usaha meluaskan sebaran dakwah. Namun begitu terdapat beberapa masalah yang timbul, iaitu didapati bidang-bidang yang diliputi dalam sesetengah jenis terbitannya tidak seimbang. Dalam penerbitan buku dan risalah misalnya, JAKIM didapati memberi tumpuan lebih dalam bidang-bidang al-Qur'an/tafsir, al-sunnah/hadith, akidah, syariah dan tasawuf/akhlak. Manakala bidang-bidang lain khususnya yang menyangkut urusan fardu kifayah kurang diberi tumpuan.

Kesan daripada perancangan pengeluaran yang tidak seimbang itu, pengedaran terbitan-terbitan berkenaan juga tidak seimbang. Oleh itu didapati kecenderungan petunjuk jualan buku-buku misalnya tertumpu kepada bidang-bidang berkenaan sahaja. Petunjuk jualan bagi buku-buku dalam bidang-bidang lain termasuk ekonomi, politik, sosial, astronomi, sains, kesihatan dan sebagainya adalah rendah. Contohnya, dalam tempoh empat tahun, iaitu dari tahun 1994 hingga 1997, didapati buku-buku yang terjual dalam bidang-bidang al-Qur'an, al-sunnah dan syariah masing-masing melepas jualan melebihi 30,000 naskhah, manakala bidang-bidang lain jualannya dalam tempoh tahun-tahun tersebut adalah di bawah 10,000 naskhah. Sila lihat jadual berikut :

Jadual 3.13

Jumlah Naskhah Buku JAKIM Yang Terjual Dari Tahun 1994

Hingga 1997 Mengikut Bidang¹

Bil.	Bidang	Naskhah Terjual
1.	Al-Qur'an/Tafsir	35,168
2.	Al-Sunnah/Hadith	30,522
3.	Akidah	5,889
4.	Syariah/Undang-Undang	48,897
5.	Tasawuf/Akhlik	9,591
6.	Kemasyarakatan	1,474
7.	Ekonomi	3,688
8.	Politik	1317

¹Laporan Jualan Buku-Buku JAKIM Tahun 1994 hingga 1997. Fail JPM(U)/10/1/17.

9.	Sejarah	517
10.	Pendidikan	6,921
11.	Falak/Astronomi	715
12.	Pengurusan	4,354
13.	Kesihatan	464
14.	Sains	671
15.	Biografi	100
16.	Sastera	69,530
<hr/>		
	Jumlah	219,818
<hr/>		

Daripadauraian di atas jelas bahawa JAKIM menghadapi masalah dalam urusan keluaran terbitan media cetaknya yang berpunca daripada aspek perancangan.

3.5.2. Masalah Harga

Telah dijelaskan sebelum ini bahawa matlamat penerbitan media cetak JAKIM ialah dakwah. Bagi mencapai matlamat tersebut, JAKIM menerbitkan dua kategori terbitannya, iaitu terbitan percuma dan terbitan jualan. Sebagai sebuah jabatan kerajaan yang berteraskan perkhidmatan awam, usaha menerbitkan bahan bacaan Islam secara percuma oleh JAKIM lazimnya dilihat sebagai satu aktiviti yang bertepatan dengan objektifnya. Namun jika dilihat kepada usaha penerbitan terbitan-terbitan jualan, agak ganjal apabila sebuah jabatan kerajaan terlibat dalam soal perniagaan. Ertinya dengan adanya terbitan yang berjual membuatkan JAKIM

terpaksa juga membabitkan diri dalam perniagaan kerana buku-buku dan jurnal yang disebar melalui jualan mesti dijual kepada orang ramai.

Keterlibatan JAKIM dalam urusan perniagaan ini, secara tidak disedari mewujudkan konflik kepentingan apabila matlamat dakwah mahu diutamakan sedangkan keuntungan komersil mahu diraih. Walaupun dalam hal ini JAKIM telah menegaskan bahawa matlamat utama penerbitannya adalah dakwah dan keuntungan komersil merupakan prioriti kedua, namun urusan perniagaan yang terpaksa diceburi itu perlu dilaksanakan dengan bersungguh-sungguh. Dengan demikian JAKIM terpaksa mengambil langkah-langkah tertentu untuk menyesuaikan antara objektifnya untuk berdakwah dengan amalan perniagaannya. Satu cara yang dilakukan oleh JAKIM dalam perimbangan antara objektif dakwah dengan amalan perniagaannya ialah dengan meletakkan harga terbitan jualannya pada paras yang rendah dan memperolehi keuntungan yang minimum.

Dari satu sudut, langkah JAKIM meletakkan harga terbitan jualannya pada paras yang agak rendah akan mendorong lebih ramai orang membeli buku-buku JAKIM. Namun demikian langkah ini menimbulkan beberapa implikasi. Implikasi pertama ialah amalan ini bercanggah dengan amalan perniagaan lazim, iaitu apabila sesuatu terbitan itu dijual dengan harga yang rendah, ia tidak membawa keuntungan yang lumayan. Walaupun bagi JAKIM perkara ini tidak menjadi hal (kerana matlamat penerbitannya ialah dakwah, dan keuntungan komersil adalah soal kedua), namun dari sudut yang lain langkah ini akan menyebabkan pengurangan dari segi bayaran royalti kepada penulis, lebih-lebih lagi jika jumlah naskhah yang dicetak adalah rendah. Didapati kebanyakan buku yang melibatkan bayaran royalti penulis ialah buku-buku umum yang pada amnya dicetak antara 2,000 hingga

3,000 naskhah sahaja pada setiap kali cetakan. Hal ini sudah tentu tidak dapat meningkatkan bayaran royalti kepada penulis, justeru hak dan kebajikan mereka terabai. Kesan lanjut yang timbul daripada amalan ini ialah tidak akan mendorong ramai penulis untuk menghantarkan karya-karya mereka kepada JAKIM.

Satu lagi kesan yang timbul apabila penekanan lebih ditumpukan kepada matlamat dakwah daripada keuntungan komersil ialah didapati jentera penggerak di Bahagian Penerbitan JAKIM lebih terdorong kepada kerja-kerja pengeluaran berbanding kerja-kerja dalam urusan pemasaran. Hal ini jelas dapat dilihat kepada saiz tenaga kerja di bahagian pengeluaran iaitu di unit-unit buku, majalah dan risalah adalah besar berbanding saiz tenaga di bahagian pemasaran. Di unit pemasaran didapati hanya lima jawatan sahaja diperuntukkan, iaitu kira-kira 15.2 peratus daripada keseluruhan tenaga yang ada di bahagian tersebut.

Satu hal lagi yang turut menjadi masalah dalam persoalan harga terbitan media cetak JAKIM ialah berkait dengan terbitan-terbitan percumanya. Walaupun JAKIM dianggap *relevan* menerbitkan terbitan percuma seperti risalah, majalah dan buletin sebagai merealisasikan usaha dakwahnya, namun terdapat juga pandangan umum yang menganggap sesuatu terbitan percuma itu rendah nilainya. Menurut Ahmad Rejal Arbee, bekas Ketua Pengarang Kumpulan Majalah Berita Publishing Sdn. Bhd., pandangan demikian adalah suatu yang lumrah, bukan sahaja kepada terbitan media cetak, tetapi dalam terbitan barang lain juga. Dalam hubungan terbitan media cetak ini, jika sesuatu terbitan itu diterbitkan dan diedarkan secara percuma, akan menyebabkan minat untuk membaca atau menyimpan di kalangan pembaca adalah berbeza berbanding dengan sesuatu terbitan yang berjual. Pembaca menganggap terbitan yang berjual itu mempunyai nilai setanding dengan wang yang

mereka belanjakan untuk membeli terbitan tersebut, menyebabkan mereka akan membacanya dan menyimpannya untuk dibaca berulangkali. Berbeza kalau sesuatu terbitan itu diedarkan secara percuma, mungkin ia dipandang sebelah mata sahaja dan selepas dilihat, terbitan tersebut akan diletakkan sesuka hati, atau lebih malang lagi kalau ia terus dibuang sahaja.¹ Pandangan ini ada kebenarannya kerana contohnya edaran majalah *Berita Baitulmal*, *al-'Amal* dan *We Care* yang diterbitkan oleh Bahagian Baitulmal Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan didapati berlaku perlonggokan di masjid-masjid.²

Daripadauraian di atas, jelaslah bahawa dalam urusan pemasaran media cetak JAKIM, persoalan harga juga menjadi satu masalah yang rumit dan perlu diatasi sebaik mungkin supaya semua terbitan yang dikeluarkan dapat diedarkan kepada khalayak dengan teratur, dan dimanfaatkan sebaik-baiknya.

3.5.3. Masalah Pengedaran

Pengedaran atau *physical distribution* satu lagi elemen penting dalam pemasaran. Dalam bidang pemasaran media cetak, pengedaran yang diamalkan ialah dengan dua cara, pertama dalam bentuk lazim iaitu daripada penerbit kepada pemborong, kemudian kepada penjual buku dan akhirnya kepada pengguna. Bentuk yang kedua iaitu bentuk tidak lazim ialah penerbit terus mengedarkan terbitan-terbitannya kepada pengguna.³ Pengedaran media cetak JAKIM didapati diuruskan mengikut kedua-dua kaedah tersebut.

¹Ahmad Rejal Arbee bin Mohd. Isa Arbee (1995).

²Subki bin Ghazali (1997).

³Hamedи Mohd. Adnan (1996): 127.

Bagi terbitan jualan, kaedah-kaedah pengedaran yang pernah diamalkan ialah sistem pengedar bercagar, sistem konsignasi, dan jualan secara langsung. Ditinjau dari sudut permasalahan yang wujud dalam sistem-sistem pengedaran terbitan JAKIM ini, antara masalah yang timbul ialah JAKIM tidak mempunyai banyak peluang untuk mencari dan mencuba pelbagai kaedah dalam urusan jualannya. Hal ini berlaku kerana di Bahagian Penerbitannya tiada kepakaran dalam bidang ini, di samping tenaga yang ada pula adalah terhad. Dewan Bahasa dan Pustaka misalnya yang mempunyai mekanisme lebih baik telah mengamalkan beberapa kaedah seperti jualan secara langsung, pengedaran atau penjualan melalui wakil tunggal, sistem pengedar, sistem kirim jual dan kaedah yang baru diperkenalkan ialah sistem ambil dan bayar (*cash and carry*). Selain itu beberapa langkah peningkatan juga dilakukan seperti menubuhkan pusat pemasaran wilayah, melantik pengedar-pengedar terhad di pusat-pusat pengajian tinggi, menambah jumlah pengedar dari semasa ke semasa, pemfrancaisan majalah dan sebagainya.¹

Dalam sistem pengedar bercagar, JAKIM pernah melantik agen pengedarannya melalui ikatan perjanjian dengan mengenakan syarat-syarat tertentu termasuk mengenakan suatu jaminan bank dengan amaun tertentu sebagai cagaran. Melalui sistem ini JAKIM pernah melantik sebelas agen pengedarnya yang terdiri daripada syarikat-syarikat dari beberapa kawasan atau negeri iaitu Johor, Terengganu, Kedah, Pahang dan Kuala Lumpur. Walaupun sistem ini dapat meningkatkan jualan terbitan JAKIM, namun wujud juga kelemahan yang sukar di atasi. Antara kelemahan yang berlaku ialah pengedar-pengedar tersebut gagal memainkan peranan sebagai pengedar, kegagalan mewujudkan rangkaian urusniaga serta tidak mampu melaksanakan perancangan, pengurusan jualan, promosi dan

¹Wan Abdul Hamid bin Wan Teh (1998).

kreativiti mencari pasaran baru. Selain itu masalah-masalah lain yang wujud akibat sistem ini ialah pengedar menghadapi masalah kerana kedai buku memerlukan tempoh kredit yang panjang, diskaun yang tinggi serta bekalan buku dibuat secara konsignasi. Ini menyebabkan buku-buku JAKIM sukar didapati di kedai-kedai buku lain dengan lebih luas. Dalam sistem konsignasi yang dikhurasukan kepada kakitangan JAKIM pula, kaedah ini kurang mendapat sambutan. Hal ini berlaku kerana kurang minat di kalangan kakitangan disebabkan kerja ini memerlukan penumpuan masa yang banyak.¹

Berdasarkan masalah-masalah yang disebutkan di atas, JAKIM memilih sistem jualan langsung sebagai jalan keluar dalam amalan pengedaran terbitan jualannya. Sistem ini didapati tidak menimbulkan banyak masalah, mudah diuruskan dan lebih berkesan. Pengedaran buku-buku melalui sistem ini membuatkan pengedaran akan lebih meluas kerana semua syarikat atau pekedai buku boleh mendapatkan bekalan terus daripada JAKIM tanpa dikenakan apa-apa cagaran atau syarat-syarat seperti dalam amalan sistem pengedar bercagar. Insentif diberikan sama ada pembelian dibuat secara tunai atau kredit, iaitu JAKIM tetap memberikan diskaun seperti yang telah diluluskan oleh Kementerian Kewangan iaitu 10 peratus bagi pembelian melebihi RM 50.00 sehingga RM 300.00; 20 peratus bagi pembelian melebihi RM 300.00 sehingga RM 1,000.00; 30 peratus bagi pembelian melebihi RM 1,000.00 sehingga RM 1,500.00 dan 35 peratus bagi pembelian RM 1,500.00 ke atas.

Selain mengamalkan pemasaran bentuk lazim seperti yang dinyatakan di atas, JAKIM juga mengamalkan bentuk tidak lazim dalam sistem pemasarannya.

¹Rusmiati binti Harun (1997).

Oleh itu selain menjual buku-buku melalui pengedar, JAKIM juga menjual bukunya sendiri melalui kedai bukunya atau melalui penjualan di luar pejabat. Dalam kajian ini didapati wujud juga beberapa kelemahan apabila kaedah ini dilaksanakan. Dalam kaedah pengedaran melalui kedai buku di premisnya di Pusat Islam Malaysia, Kuala Lumpur, antara masalah yang wujud ialah dari segi waktu bekerja. Sebagai sebuah jabatan kerajaan, operasi pengedaran dilakukan mengikut waktu pejabat, iaitu dari pukul 8.00 pagi hingga 4.00 petang dan hanya bekerja pada hari Isnin hingga separuh hari Sabtu. Dengan kecenderungan sedemikian, maka waktu urusan pengedaran adalah terhad menyebabkan ramai orang tidak mempunyai kesempatan luas untuk berurusan dengan JAKIM. Berbeza dengan amalan penerbit-penerbit atau kedai-kedai buku swasta yang rata-rata beroperasi melebihi lapan jam sehari dan beroperasi juga pada hujung minggu.

Satu lagi petunjuk yang memperlihatkan kelemahan dalam operasi pengedaran bentuk tidak lazim ini ialah kelemahan dalam mematuhi peraturan-peraturan sistem kutipan hasil yang telah ditetapkan oleh kerajaan. Dalam hal ini Jabatan Akauntan Negara Malaysia (JANM) menerusi Seksyen Audit Kewangan, Bahagian Perkhidmatan Audit Dalam dan Kawalan telah melaporkan bahawa berdasarkan pengauditan yang dijalankan pada bulan November 1996, terdapat beberapa kelemahan yang perlu diberi perhatian. Antara perkara-perkara tersebut ialah didapati pegawai penyelia tidak membuat penyemakan ke atas dokumen kemasukan ke bank. Rekod pengeluaran dan pengiraan fizikal stok buku juga tiada diselenggarakan. Selain itu daftar cek tak laku juga tidak diselenggarakan walaupun terdapat cek tak laku. Kelemahan lain ialah penyesuaian bulanan antara laporan terperinci hasil dengan buku tunai hasil hanya dilakukan setakat bulan Mei 1996 walaupun laporan tersebut diterima pada tiap-tiap bulan, dan tiada

pemeriksaan mengejut dibuat ke atas kutipan wang tunai di Bahagian Penerbitan.¹ Perkara-perkara ini memperlihatkan bahawa pengurusan pemasaran buku-buku JAKIM tidak diuruskan dengan teratur.

Selain menjual sendiri terbitannya melalui kedai buku, JAKIM juga melibatkan diri dalam jualan dan pameran di luar pejabat dengan menyertai ekspo atau pameran jualan buku yang dianjurkan oleh pihak-pihak tertentu. Dalam hal ini antara masalah yang dihadapi ialah kekurangan kakitangan, sewa ekspo yang agak tinggi dan kos penyertaan selalunya melebihi keuntungan yang diperolehi. Pada masa ini JAKIM hanya mempunyai empat orang kakitangan di unit edaran dan pemasaran (daripada lima jawatan yang diperuntukkan), iaitu seorang penolong akauntan, seorang penolong pegawai pengedaran dan dua orang kerani jualan. Mereka terlibat sepenuh masa menguruskan semua perkara berkaitan pengedaran dan pemasaran, iaitu meliputi tugas-tugas pengawalan stok, penjualan dan pengedaran sama ada di kedai buku JAKIM atau di luar pejabat, menguruskan akaun, mengadakan promosi, melayan pelanggan sama ada yang datang sendiri di kedai buku atau melalui surat, atau telefon, menguruskan pesanan daripada pengedar dan sebagainya. Dengan wujudnya beban tugas yang agak berat itu JAKIM didapati tidak mampu keluar secara kerap untuk mengadakan ekspo atau jualan terbitannya di luar pejabat. Dengan demikian, JAKIM hanya menyertai ekspo atau pameran yang terpilih mengikut kesesuaian tenaga dan masa yang termampu sahaja.²

¹Laporan Pengauditan Sistem Kutipan Hasil Oleh Seksyen Audit Kewangan, Bahagian Perkhidmatan Audit Dalam dan Kawalan, Jabatan Akauntan Negara Malaysia bertarikh 12 November, 1996. Fail JPM(U) 10/1/17.

²Rusmiati binti Harun (1997).

Selain masalah kekurangan tenaga, masalah yang dihadapi berkait dengan penyertaan pameran dan jualan di luar pejabat ialah, terdapat pengangur sesuatu ekspo mengenakan kadar sewa yang tinggi. Umpamanya Pesta Buku Antarabangsa yang diadakan setiap tahun di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) mengenakan sewa gerai sehingga RM 2,000.00.¹ Bayaran ini bukan bererti JAKIM tidak mampu untuk membayarnya kerana peruntukan daripada kerajaan boleh diperolehi dengan syarat aktiviti ini mempunyai justifikasi yang kukuh. Tetapi berdasarkan pengalaman, hasil jualan yang diperolehi oleh JAKIM dalam sesuatu ekspo adalah lebih rendah berbanding kos yang terlibat lebih tinggi. Ini tidak menguntungkan bukan sahaja dari segi komersil, tetapi rugi dari segi masa dan tenaga kakitangannya. Misalnya pada Pesta Buku Antarabangsa di PWTC yang diadakan pada 16.12.1996 hingga 22.12.1996, hasil kutipan yang diperolehi ialah RM 717.80.²

Masalah kerugian juga timbul dalam penyertaan-penyertaan ekspo yang tidak mengenakan bayaran yang tinggi, terutamanya ekspo yang diadakan jauh dari ibu pejabat. Hasil jualan yang diperolehi kadang-kadang tidak setimpal dengan usaha dan penyertaan yang dibuat. Misalnya jualan yang dibuat di Sibu, Sarawak pada 23 Mei 1996, hasil jualan yang diperolehi hanya RM 966.40. Jadual-jadual 3.14 dan 3.15 menunjukkan butiran mengenai hasil yang diperolehi dalam penjualan buku-buku JAKIM yang diadakan di luar JAKIM bagi tahun-tahun 1995 dan 1996.³

¹Pesta Buku Antarabangsa Kuala Lumpur yang lazim diadakan di Dewan Tun Razak 1, Pusat Dagangan Dunia Putra Kuala Lumpur adalah anjuran Malaysian Book Publishers Association (MABOPA), Bumiputera Book Publishers Association (IKATAN), Malaysian Book Sellers Association (MBSA) dan Malaysian Book Contractors Association (PKBM). Ia diuruskan oleh Malaysian Book Promotions Sdn. Bhd..

²Laporan Jualan Luar Jualan Buku-Buku JAKIM Tahun 1996. Fail JPM(U)/10/1/17.

³Laporan Jualan Luar Jualan Buku-Buku JAKIM Tahun 1996. Fail JPM(U)/10/1/17.

Jadual 3.14

Hasil Jualan Buku-Buku JAKIM Di Luar JAKIM Tahun 1995

Bil.	Tarikh Dan Tempat Jualan	Hasil Kutipan (RM)
1.	5 hingga 8 April 1995 Pameran Buku Di Kuala Terengganu	1,800.00
2.	29 Mei hingga 4 Jun 1995 Pameran Buku Di Plaza Bukit Bintang, K. Lumpur	470.00
3.	1 Julai 1995 Pameran Buku Di Kuala Selangor	420.00
4.	29 September hingga 4 Oktober 1995 Pameran Buku Semasa Minggu Kecemerlangan Islam Di Universiti Malaya, Kuala Lumpur	477.40
5.	26 Oktober hingga 19 November 1995 Ekspo Masjid Negara, Kuala Lumpur	4,350.00
Jumlah		7,517.40

Jadual 3.15

Hasil Jualan Buku-Buku JAKIM Di Luar JAKIM Tahun 1996

Bil.	Tarikh Dan Tempat Jualan	Hasil Kutipan (RM)
1.	2 hingga 5 Januari 1996 Pesta Buku Dan Ekspos Komputer Di Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi Selangor	285.50
2.	5 hingga 7 Februari 1996 Pameran Buku Di Kementerian Kewangan, Jalan Duta, Kuala Lumpur	117.80
3.	29 April 1996 Pameran Buku Di Istana Shah Alam, Selangor	261.20
4.	23 Mei 1996 Pameran Buku Di Sibu, Sarawak	966.40
5.	17 hingga 22 Mei 1996 Pameran Buku Di Kangar, Perlis	1,058.50
6.	26 hingga 29 Julai 1996 Pameran Buku Di Kuala Terengganu	3,425.40
7.	2 Ogos 1996 Pameran Buku Di Miri, Sarawak	1,917.00
8.	23 Oktober 1996 Pameran Buku Di Ipoh, Perak	2,476.60
9.	16 hingga 22 Disember 1996 Pesta Buku Antarabangsa di PWTC, Kuala Lumpur	717.80

10.	26 November hingga 15 Disember 1996	
	Ekspo Masjid Negara, Kuala Lumpur	4,903.00
	Jumlah	16,129.20

Daripada jadual-jadual di atas, didapati hasil kutipan jualan luar adalah rendah berbanding jualan yang dilakukan melalui kedai buku JAKIM. Bagi tahun 1995, hasil kutipan jualan luar yang diperolehi ialah RM 7,517.40, iaitu 2.3 peratus daripada jumlah keseluruhan kutipan jualan pada tahun tersebut yang berjumlah RM 326,287.39. Bagi tahun 1996 pula hasil kutipan jualan luar ialah RM 16,129.20 iaitu 5.9 peratus daripada jumlah keseluruhan kutipan jualan pada tahun tersebut yang berjumlah RM 271,520.42. Petunjuk ini jelas memberi faham bahawa usaha jualan yang dibuat di luar JAKIM adalah tidak memuaskan.

Dalam mengendalikan urusan pengedaran terbitan percuma pula, terdapat beberapa masalah yang dihadapi. Antara yang agak ketara ialah berhubung dengan penghantaran kepada sasaran-sasaran yang telah dikenal pasti sama ada penghantaran dengan tangan atau melalui pos, iaitu kurang dari segi tenaga kerja dan peruntukan kos pos. Dalam hal penghantaran dengan tangan, untuk melayani semua keperluan masyarakat terutamanya pihak-pihak yang dikenal pasti sebagai sasaran terbitan dakwah secara percuma ini seperti pejabat-pejabat kerajaan, pejabat-pejabat swasta, pusat-pusat pemulihan dan sebagainya, JAKIM memerlukan tenaga kerja yang ramai. Oleh kerana faktor ini menjadi masalah kepada JAKIM, maka hasrat ini tidak dapat dilaksanakan sepenuhnya. Dengan itu dalam sesetengah keadaan, JAKIM terpaksa meminta kerjasama daripada pihak-

pihak yang berkenaan supaya datang sendiri mengambil terbitan-terbitan tersebut. Bagi penghantaran melalui pos pula, mulai tahun 1996, Pos Malaysia telah mengenakan bayaran penghantaran semua surat dan bungkusan kerajaan. Peraturan ini tidak terkecuali bagi penghantaran terbitan-terbitan percuma JAKIM, dengan demikian kegiatan ini terpaksa dikurangkan disebabkan kos untuk tujuan ini adalah tinggi dan peruntukan kewangan kerajaan adalah terhad.

Daripada huriaian dan penjelasan di atas dapat difahami bahawa urusan pengedaran terbitan JAKIM sama ada yang berjual mahupun yang percuma, terdapat masalah-masalah tertentu yang dihadapi menyebabkan terbitan-terbitan tersebut tidak dapat sampai kepada sasaran yang lebih luas. Keadaan ini mengganggu kelincinan usaha dakwah melalui media cetak yang dilakukan oleh JAKIM.

3.5.4. Masalah Promosi

Promosi memberi erti segala usaha dan kegiatan untuk menggalakkan atau meningkatkan jualan sesuatu barang.¹ Dalam buku *The Sales Promotion Handbook*, promosi didefinisikan sebagai aktiviti-aktiviti yang membantu dan menyelaraskan pengiklanan dan jualan supaya berkesan seperti peragaan, pameran dan aktiviti lain.² Berdasarkan pengertian ini, jelas bahawa promosi adalah satu usaha yang sangat penting untuk memperkenalkan sesuatu terbitan kepada orang ramai.

¹Dewan Bahasa dan Pustaka (1994): 984.

²Dartnell Corp. (1979): 3.

Berhubung pemasaran media cetak JAKIM ini, antara usaha promosi yang dilakukan ialah menerbitkan katalog penerbitan, menerbitkan brosur publisiti, mengadakan iklan, memperkenalkan penerbitan melalui ceramah, mengadakan pameran jualan, dan memberikan kadar diskaun tertentu kepada pembeli. Dalam kajian ini, didapati usaha-usaha promosi yang dijalankan menghadapi beberapa masalah, antaranya berkaitan aspek-aspek pengurusan dan kewangan seperti yang telah disentuh dalam fasal 3.2 dan 3.3 yang lalu. Selain itu masalah yang wujud berhubung hal promosi ini ialah, JAKIM tidak mempunyai saluran yang luas untuk menyiarkan iklan terbitannya. Dalam amalan sesetengah penerbit, khususnya penerbit-penerbit besar, mereka menggunakan saluran media mereka sendiri untuk mengiklankan terbitan mereka. Hal ini menjimatkan kos kerana siaran tersebut adalah percuma dan sebarannya luas pula. Contohnya Utusan Melayu (M) Berhad yang dapat mengiklankan terbitannya dengan begitu luas sekali melalui akhbar-akhbar Utusan Malaysia, Mingguan Malaysia dan lain-lain yang dapat dilihat begitu banyak dan kerap. Memang menjadi dasar syarikat tersebut untuk menggunakan semaksimum mungkin saluran dan ruangan melalui akhbar atau majalahnya untuk mengiklankan semua terbitannya.¹ Begitu juga amalan yang dilakukan oleh Berita Publishing Sdn. Bhd. yang mengiklankan terbitan-terbitannya melalui akhbar harian, mingguan dan majalah-majalah yang diterbitkan oleh The New Straits Times.²

Dalam hubungan ini, apa yang dibuat oleh JAKIM untuk memperkenalkan terbitannya ialah membuat iklan terbitan-terbitannya melalui terbitannya sendiri iaitu majalah, jurnal dan risalah. Oleh kerana penerbitan media-media tersebut adalah

¹Chamil Wariya (1998).

²Ahmad Rejal Arbee bin Mod. Isa Arbee (1995).

mengikut waktu yang terhad dan edarannya juga terbatas, maka penyebaran iklan-iklan tersebut juga adalah terhad dan terbatas. Untuk mengadakan promosi melalui saluran lain, khususnya melalui media-media cetak yang luas pengedarannya kepada masyarakat seperti akhbar dan majalah popular, hal ini tidak dapat dilakukan oleh JAKIM disebabkan masalah kewangan yang telah disebutkan.

Satu hal yang agak penting juga berkait dengan promosi ini ialah semua pihak yang terbabit dalam penerbitan, penjualan atau pengedaran harus juga membuat promosi. Selain usaha-usaha promosi yang dilakukan oleh penerbit, para pengedar dan penjual juga seharusnya berusaha membuat promosi. Penerbit mungkin hanya memperkenalkan terbitan-terbitannya, tetapi untuk menarik orang ramai mengunjungi kedai buku, usaha ini menjadi tanggungjawab penjual buku sendiri. Daripada tinjauan rambang oleh JAKIM terhadap amalan promosi yang dilakukan oleh pengedar-pengedar dan penjual-penjual buku terbitan JAKIM didapati hal ini tidak dilakukan dengan memuaskan.¹

Selain pengiklanan, antara promosi yang lazim dilakukan oleh penerbit ialah menawarkan potongan harga atau diskau. Masalah yang timbul berhubung hal ini ialah pemberian kadar diskau yang berbeza-beza bagi pembelian buku-buku jualannya. Semenjak tahun 1994, kadar diskau yang diluluskan oleh Kementerian Kewangan terhadap pembelian buku-buku JAKIM ialah daripada 10 peratus sehingga 40 peratus iaitu 10 peratus bagi pembelian melebihi RM 50.00 sehingga RM 300.00, 20 peratus bagi pembelian melebihi RM 300.00 sehingga RM 1,000.00, 30 peratus bagi pembelian melebihi RM 1,000.00 sehingga 1,500.00 dan 40 peratus bagi pembelian melebihi RM 1,500.00 hingga seterusnya. Tetapi

¹Rusmiati binti Harun (1997).

dalam tahun-tahun 1996 dan 1997, kadar diskaun yang diluluskan bagi sesuatu judul berbeza-beza. Ada buku yang diberi diskaun antara 10 peratus hingga 30 peratus, ada yang diberikan antara 10 peratus dengan 35 peratus dan ada yang antara 10 peratus dengan 40 peratus.¹ Keadaan ini memperlihatkan bahawa Kementerian Kewangan tidak peka dengan hakikat yang wujud kerana kadar diskaun yang berbesa-beza itu boleh menyukarkan urusan penjualan buku. Akibatnya JAKIM sukar untuk menentukan kadar diskaun yang sesuai dan tepat apabila pembeli membeli buku-buku JAKIM dengan kuantiti yang besar dan judul yang pelbagai.

Amalan yang dilakukan oleh JAKIM pula ialah setiap kali permohonan penentuan harga buku baru dikemukakan kepada Kementerian Kewangan, permohonan itu bersekali dengan permohonan kadar diskaun. Amalan ini didapati melecehkan kerana sepatutnya kadar diskaun buku tidak perlu dipohon pada setiap kali permohonan harga buku baru dikemukakan kepada Kementerian Kewangan. Ia boleh dilakukan hanya sekali dalam tempoh-tempoh waktu tertentu, misalnya untuk tempoh dua tahun, atau tiga tahun, atau sebagainya. Perbezaan kadar diskaun itu berlaku mungkin kerana pegawai Kementerian Kewangan yang bertanggungjawab dalam hal itu tidak sempat merujuk kadar-kadar yang pernah diluluskan sebelumnya.²

Ekoran daripada masalah ini, Bahagian Penerbitan JAKIM telah mengadakan perundingan dengan bahagian yang terbabit di Kementerian Kewangan pada sekitar bulan Mac 1997 dan pihak Kementerian Kewangan melalui

¹Fail JPM(U)/10/1/31.

²Mastura binti Hasan (1997).

surat jawapannya bertarikh 19 Ogos, 1997 telah bersetuju menetapkan bahawa kadar diskau buku-buku jualan JAKIM ialah antara 10 peratus hingga 40 peratus mengikut amaun pembelian seperti yang dinyatakan di atas. Walau bagaimanapun potongan sehingga 40 peratus itu hanyalah untuk separuh daripada jumlah buku yang dicetak dan bakinya hendaklah dijual secara runcit.¹

Lokasi kedai buku juga merupakan aspek penting untuk memastikan peningkatan penjualan atau pengedaran terbitan-terbitan yang dihasilkan oleh sesebuah penerbit. Dengan demikian pemilihan lokasi kedai buku seharusnya mempertimbangkan aspek-aspek saiz, tumpuan orang ramai, laluan perjalanan dan lain-lain faktor yang boleh memudahkan orang ramai mengunjunginya.² Dalam hal ini keadaan dan kedudukan kedai buku JAKIM didapati kurang sesuai kerana tidak menepati ciri-ciri tersebut. Kedai buku JAKIM didapati berada dalam kawasan Kompleks Pusat Islam, tetapi kedudukannya pula terletak dalam kawasan letak kereta kakitangan JAKIM. Walaupun ia berada di permukaan pintu masuk tempat letak kereta itu, namun ia masih tersorok daripada pandangan umum dan sukar untuk dilihat secara jelas.

Dari pada penjelasan di atas, didapati urusan pemasaran media cetak JAKIM mempunyai kelemahan-kelemahan tertentu yang menunjukkan urusan tersebut tidak diuruskan dengan baik. Keadaan demikian menyebabkan terbitan JAKIM tidak berupaya tersebar secara lebih luas melampaui sasaran yang lebih ramai, justeru menjaskan keberkesanan usaha pencapaian matlamat penerbitannya.

¹ Surat Kementerian Kewangan Ruj. KKBP (8.01) 627-1 Jld. 15/(6) bertarikh 19 Ogos 1997 dlm. fail JPM(U) 10/1/31.

² Nelson (1958): 45.

Daripada huraian tentang masalah-masalah yang dihadapi dalam aktiviti media cetak JAKIM dalam bab ini, dapat disimpulkan bahawa JAKIM menghadapi lima masalah utama, iaitu masalah dalam urusan-urusan pengeluaran, pengurusan, kewangan, persembahan isi dan bentuk fizikal dan pemasaran. Masalah-masalah yang wujud itu ada yang dapat diatasi dengan mudah dan ada pula yang sukar dibereskan menyebabkan aktiviti media cetak JAKIM sukar digerakkan dengan lebih cekap dan berkesan. Untuk mencapai kecekapan dan keberkesanan dalam urusan penerbitan media cetak ini, masalah-masalah tersebut perlulah diatasi sewajarnya, di samping mengambil langkah-langkah tertentu supaya usaha dakwah melalui media cetak ini dapat ditingkatkan.